



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 6247-6248]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1981—

Jawatankuasa (Hari Kesebelas):

Jadual:

Maksud B. 33, B. 34, B. 35, B. 36 dan B. 37 [Ruangan 6277-6278]

Maksud B. 38 [Ruangan 6293-6294]

Maksud B. 39 [Ruangan 6331-6332]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1981—

Jawatankuasa (Hari Kesebelas):

Maksud P. 33, P. 36 dan P. 66 [Ruangan 6277-6278]

Maksud P. 38 [Ruangan 6293-6294]

Maksud P. 39 [Ruangan 6331-6332]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Pelajaran, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).

„ Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).

- Yang Berhormat Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, PUAN CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABBAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR, A.D.K. (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P. (Labuk Sugut).

- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHEAL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESNEEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATO’ SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- ” DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- ” TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- ” TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- ” TUAN MARK KODING (Kinabalu).

Yang Berhormat DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHANIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).

Yang Berhormat PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I. (Semerah).

- ” TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- ” TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- ” TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- ” TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- ” TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- ” DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- ” TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- ” TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- ” TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- ” TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- ” WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasar Puteh).
- ” WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- ” TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- ” DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- ” TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- ” PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- ” DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- ” DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- ” TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 26hb November, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Tiong Hong.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

KERJA-KERJA KONTRAK— SEBAB KELEWATAN

1. **Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan bahawa kontrak-kontrak membina bangunan-bangunan tambahan sekolah yang telah diluluskan penyeliaan serta pelaksanaan yang berkesan supaya kerja-kerja pembinaan akan siap pada masa yang ditetapkan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini pada amnya kelewatan pelaksanaan satu-satu projek itu bukanlah disebabkan oleh kerja-kerja penyeliaan pegawai-pegawai saya. Tetapi kelewatan tersebut adalah berpunca dari pemborong itu sendiri seperti masalah kekurangan kemahiran, punca kewangan, sukar untuk mendapatkan bahan-bahan binaan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa cuba untuk meningkatkan lagi mutu penyeliaan pegawai-pegawai saya dengan cara memberi kursus sama ada sambil kerja ataupun keluar negeri.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak bertanya, pada biasanya adalah amalan bagi Kementerian ini menerima tender-tender yang rendah sekali sahaja. Ini mengakibatkan terdapat setengah-setengah pemborong yang telah diberi kontrak yang lebih daripada yang ia sanggup membuatnya. Jadi, adakah Kementerian ini menimbang supaya amalan ini tidak akan dijalankan lagi.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, apa yang Ahli Yang Berhormat sebut tadi adalah dalam kajian Kementerian saya tetapi ada juga berlaku di dalam tempoh 1 atau 2 tahun yang mana sebarang kontraktor dapat atau ditawarkan lebih daripada satu kerja dan juga ada masalah-masalah untuk menjalankan pelaksanaan projek ini. Tetapi Kementerian saya telah mengambil satu tindakan sekarang untuk menyiasat secara mendalam sebelum kita memberi apa-apa kontrak kepada tiap-tiap kontraktor.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri sebenarnya kelewatan projek sekolah ini telah menjadi satu perkara umum yang dijalankan oleh kontraktor.

Saya ingin tahu sebanyak manakah projek yang telah disiapkan oleh pihak JKR bagi projek sekolah dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan adakah projek yang belum lagi disiapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya percaya soalan ini memerlukan notis daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, ada angkanya.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah ada siap angkanya?

Dato' Samy Vellu: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus, teruskan!

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebab peruntukan projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tidak habis dbelanjakan adalah disebabkan banyak perkara.

Anggaran belanja bagi sekolah-sekolah di rancangan yang disediakan oleh pihak Kementerian Pelajaran dengan bantuan Kementerian saya, rancangan keutamaan bagi tiap-tiap projek sekolah ditentukan oleh Kementerian. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Ketiga JKR memulakan pelaksanaan projek selepas menerima surat kuasa dari Kementerian Pelajaran. Butir-butir kerja yang telah diluluskan dan peruntukannya adalah tersebut dalam surat kuasa pelaksanaan.

Bilangan surat kuasa pelaksanaan projek-projek yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Projek</i>
1976	602
1977	546
1978	1,293
1979	387
1980	769

Jumlah projek baru Rancangan Malaysia Ketiga ialah 3,597 projek. Sambungan daripada Rancangan Malaysia Kedua ialah 891 projek.

Jumlah bilangan projek pelajaran di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah 4,488. Setakat ini JKR telah menyiapkan 2,196 projek, sebanyak 1,116 projek sedang dalam pembinaan, 404 projek dalam peringkat tawaran dan bakinya dalam peringkat rekabentuk atau menghadapi masalah-masalah tanah.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Speaker, tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa salah satu sebab yang menyebabkan kelewatan pelaksanaan satu-satu projek misalnya projek sekolah atau projek-projek lain ialah kesukaran atau susah untuk mendapatkan bahan-bahan binaan.

Di sini suka saya bertanya sama ada pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu stockpile bahan-bahan binaan dengan tujuan untuk menentukan bahawa masalah kekurangan bahan-bahan binaan dapat diatasi.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, selepas kita menyiasat atas masalah-masalah daripada kontraktor-kontraktor atas bahan-bahan binaan Kementerian saya dan juga Kementerian-kementerian lain telah mengatur satu susunan iaitu kita akan adakan satu stockpile di tiap-tiap negeri. Perkara ini sedang dijalankan sekarang.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan kepada soalan tambahan tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan lebih kurang setengah daripada projek-projek di bawah Kementerian Pelajaran belum lagi siap.

Soalan saya, apakah keadaan tidak siap ini disebabkan oleh pihak Kementerian beliau kurang kakitangan.

Soalan kedua, sama ada bangunan-bangunan baru ataupun membina bangunan-bangunan tambahan salah satu daripada sebab kelambatan ialah kontraktor-kontraktor lari. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kaedah menamatkan kontrak-kontrak yang dijalankan oleh Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam pada hari ini adalah tidak memuaskan, itulah sebabnya kontraktor-kontraktor senang cabut lari.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kelambatan menyiapkan kerja-kerja khasnya sekolah ada banyak perkara. Kebanyakan daripada projek-projek tidak dapat disiapkan mengikut tarikh asal kontrak disebabkan kontraktor-kontraktor yang mengalami kesulitan kewangan sebagaimana yang saya

sebutkan tadi, khususnya pemborong-pemborong bumiputra. Kementerian saya sedang berusaha mengkaji cara-cara untuk mengatasi masalah ini dan membantu pihak pemborong menjalankan kerja-kerjanya.

Di bawah dasar pengasingan kerja 30% yang diamalkan oleh Kementerian Kerjaraya kebanyakan projek-projek sekolah yang dibina oleh Kerajaan juga dilaksanakan oleh pemborong bumiputra. Dari kajian yang dibuat kebanyakan pemborong-pemborong bumiputra pula menghadapi 4 masalah utama, iaitu masalah pengurusan, kekurangan modal pusingan, kesulitan mendapat bahan binaan dan tenaga kerja mahir. Masalah-masalah yang dihadapi ini bukan sahajalah dihadapi oleh pemborong kecil bumiputra tetapi juga pemborong-pemborong besar bukan bumiputra. Kementerian saya sedang menumpukan usaha yang gigih untuk mengatasi masalah-masalah ini dengan memperkemas pentadbiran projek di peringkat Kementerian, mengadakan rundingan-rundingan dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain dan perhubungan rapat dengan institusi-institusi kewangan tempatan.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri mungkin maklum kadangkalanya projek-projek ini lambat terlaksana oleh sebab sesuatu keputusan dari jabatan-jabatan pelanggan ini lambat diterima. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Bersama di antara JKR dan juga jabatan-jabatan pelanggan itu untuk mencari jalan memendekkan proses penyelarasan ataupun proses membuat sesuatu keputusan supaya ianya lebih pendek sedikit.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu Kabinet telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk menyasat dan juga memberi satu dasar yang mana kita boleh mempercepatkan semua projek. Jawatankuasa itu telah dan sedang berjalan sekarang, saya harap tidak lama lagi kita akan mendapat recommendation daripada Jawatankuasa itu.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya keadaan kontraktor-kontraktor ini dan kelambatan pembinaan sekolah-sekolah ini telah mencerminkan betapa tidak cekapnya kita menjalankan

pembangunan sekolah-sekolah yang dilihat dan diperhatikan oleh beribu-ribu ibubapa yang terlibat dengan pembinaan sekolah itu. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah tindakan segera beliau supaya imej itu tidak bertambah buruk yang boleh menggambarkan bahawa Kerajaan dan Kementerian kita tidak cekap.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan kepada soalan tambahan ini sudah terkandung dalam jawapan yang panjang beberapa kali tadi, tetapi ada Yang Berhormat Menteri hendak tambah lagi?

Dato' S. Samy Vellu: Saya tidak ada apa-apa point untuk menambah lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 2.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson.

BEKALAN AIR KE SAWAH BUKIT GANTANG

2. **Tuan Au How Cheong** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar ada terdapat lebih kurang 2,000 ekar sawah di Mukim Bukit Gantang, Daerah Larut dan Matang, Perak tidak dapat diusahakan sejak beberapa tahun yang lalu kerana tidak ada air; jika sedar, adakah beliau bercadang supaya mengarah Jabatan Pertanian menggantikan kawasan tersebut dengan tanaman yang lain pula.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Suhaimi bin Dato' Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar bahawa terdapat 2,423 ekar sawah di kawasan ini tetapi 1,866 ekar darinya adalah kawasan sawah dua kali setahun. Lembaga Pertubuhan Peladang telahpun membekalkan subsidi baja kepada petani untuk kedua-dua musim setiap tahun. Ini bermakna bahawa hanya baki 557 ekar sahaja yang masih terbiar berpanjangan oleh kerana masalah pembekalan air yang kurang cukup.

Bagi mengatasi masalah tanah terbiar berpanjangan yang melibatkan 557 ekar ini Jabatan Pertanian telahpun mengatur rancangannya secara berperingkat :

Peringkat Pertama, 80 ekar telah ditanam dengan pisang di Kampung Jaha. Bantuan \$16,000 telah dibelanjakan. Projek ini telahpun mengeluarkan hasilnya dan agensi-agensi seperti FAMA dan Lembaga Pertubuhan Peladang turut terlibat di dalam aktiviti pemasaran.

Peringkat Kedua, 40 ekar lagi baru sahaja diusahakan di Kampung Bendang Padak, juga akan ditanam dengan pisang.

Peringkat Ketiga (Peringkat terakhir), baki 397 ekar akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Buat masa ini kajian tanah sedang dijalankan bagi menentukan jenis-jenis tanaman yang sesuai ditanam di kawasan-kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hiew Nyuk Yin—tidak hadir.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Hiew Nyuk Yin tidak hadir)

BALAI POLIS DAERAH DINAIKKAN TARAF

4. Tuan Haji Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa setengah-setengah kawasan di bawah pengawasan Ketua Polis Daerah perlu dinaikkan taraf selaras dengan pertambahan penduduk sesuatu kawasan; adakah beliau sedar bahawa di setengah-setengah Balai Polis terutama di kawasan sempadan menghadapi kekurangan anggota Polis bagi menjamin keamanan dan mencegah jenayah, sekiranya sedar apakah langkah-langkah yang akan diambil mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat pada tahun 1975 Kerajaan telahpun meluluskan pembesaran Pasukan Polis dan mulai tahun 1976 urusan pembesaran Pasukan Polis Di Raja Malaysia telah dilancarkan secara berperingkat-peringkat dan adalah diangka urusan ini akan selesai pada tahun 1985.

Dalam urusan pembesaran ini keutamaan akan diberi kepada negeri-negeri sempadan. Setakat ini kajian telah selesai dibuat ke atas kontinjen-kontinjen Kuala Lumpur, Pahang, Kedah, Perlis, Perak dan Kelantan manakala kontinjen Sarawak sedang dalam kajian.

Secara purata berdasarkan kepada kajian-kajian yang lepas perjawatan Polis akan meningkat atas kadar 130%. Ketika membuat kajian ke atas kontinjen-kontinjen tadi semua aspek termasuk pertambahan penduduk telah dititikberatkan dan kajian ini juga menentukan kenaikan taraf sesuatu pondok atau Balai Polis dan juga jawatan-jawatan Pegawai Pemerintah dan jawatan-jawatan lain. Walaupun perjawatan-perjawatan ini telah diluluskan tetapi masalah-masalah dihadapi oleh Pasukan Polis Di Raja Malaysia, iaitu mengenai kekurangan pengeluaran rekrut dari Pusat Latihan Polis yang sedia ada di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, baru-baru ini dua buah Pusat Latihan Sementara telah dibuka, iaitu di Bukit Siol, Kuching, Sarawak dan di Sungai Besar, Selangor. Kedua-dua pusat latihan ini dapat melatih seramai 1,260 rekrut-rekrut setahun. Selain dari itu pihak Polis telah juga mengambil alih sebahagian daripada kawasan Gula Negeri Sembilan untuk dijadikan pusat latihan dan adalah dijangka pusat ini akan memulakan latihan pada awal tahun 1981 dan akan dapat menampung lebih kurang 1,500 rekrut setahun.

Walaupun Polis Di Raja Malaysia pada keseluruhannya mengalami kekurangan anggota buat masa ini tetapi kekurangan ini tidaklah membimbangkan dan menjejaskan keselamatan negara dan dalam menempatkan anggota-anggota ini keutamaan adalah diberikan kepada tempat-tempat yang penting di kawasan-kawasan keselamatan. Kerajaan juga mengkaji keperluan dan keutamaan ini dari semasa ke semasa selaras dengan keperluan negara.

Bagi Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang, Balai Polis di Rantau Panjang yang sekarang ini kekuatannya 14 orang telah diluluskan penambahannya dan akan menjadi 56 orang dalam masa yang singkat.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebut panjang lebar cara-cara hendak membesarkan Angkatan Polis

dan menaikkan taraf Balai-balai Polis yang ada, antaranya disebut mengenai tambahan bilangan penduduk. Saya ingin tahu apakah kadar kejadian jenayah dan juga kawasan-kawasan kemajuan yang baru (new growth areas) juga diambil kira di dalam soal meningkatkan taraf Balai-balai Polis yang berkenaan.

Tuan Sanusi bin Junid: Itu termasuk juga, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Ikhwan bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menghuraikan kenaikan taraf Pasukan Polis dan untuk menjamin keamanan dan mencegah jenayah. Saya ingin bertanya kepada beliau, untuk menjamin keamanan dan mencegah jenayah, apakah latihan-latihan telah dibuat terhadap Balai-balai Polis umpamanya di kawasan-kawasan yang ada OCS berpangkat Kopral dan Sarjan masih lagi keadaannya, latihannya dan latar belakangnya Darjah VI, tetapi di kawasan-kawasan seperti itu sudah ada sekolah menengah di mana berpuluh-puluh guru siswazah dan bagaimanakah tindakan yang dibuat oleh pihak polis supaya perimbangan kebolehan dan approach dapat dibuat untuk menjamin keselamatan dan mencegah jenayah.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga telah ditimbangkan sewaktu merencanakan rancangan pembesaran polis. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh mengatakan hanya kerana adanya polis yang berkelulusan rendah maka dengan sendirinya keselamatan tidak terjamin. Kita harus menentang bahawa yang menentang penganas komunis dengan berjayanya di masa-masa yang telah lepas kebanyakannya orang-orang yang mempunyai kelulusan yang demikian.

RUMAH PEKERJA DI HARCROFT ESTATE, DINDINGS

5. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rumah-rumah pekerja di ladang Harcroft, Daerah Dindings belum dibina semula dan tiada bekalan letrik dan jika sedar, kenapa ladang itu belum membina rumah pekerja baharu untuk pekerja-pekerjanya.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa 179 unit rumah-rumah pekerja di Harcroft Estate, Dindings, telah tidak dibina di bawah Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966 tetapi dibina di bawah "Labour Code", iaitu Undang-undang lama yang mengawal rumah-rumah pekerja sebelum tahun 1966.

Rumah-rumah yang dibina di bawah Labour Code serta mempunyai satu tahap piawaian yang tertentu boleh dikekalkan di bawah Akta (Piawaian Minima Perumahan) pekerja, 1966 melainkan jika rumah tersebut berusia lebih 25 tahun atau disahkan oleh Jurutera Jabatan Kerjaya atau Pegawai Kesihatan sebagai tidak layak diduduki dari segi keselamatan atau dari segi kesihatan.

Pihak pengurusan ladang tersebut, iaitu Plantation Agencies Sdn Bhd; telah mengemukakan satu rancangan pembinaan rumah-rumah kepada Pejabat Buruh Sitiawan, untuk menggantikan rumah-rumah yang lama dengan 140 unit rumah-rumah yang baru dalam tempoh 10 tahun mulai daripada 1980. Hanya 140 unit rumah-rumah sahaja yang dikehendaki oleh ladang tersebut, kerana daripada 179 unit rumah-rumah yang ada sekarang ada beberapa buah di antaranya yang didiami oleh bukan pekerja-pekerja di ladang tersebut. Majikan tersebut telah pun mengemukakan pelan-pelan untuk membina 8 unit rumah pada tahun 1980 kepada Jabatan Buruh Sitiawan untuk kelulusan. Pejabat Buruh Sitiawan telah diarahkan supaya meminta majikan tersebut memendekkan tempoh penggantian rumah-rumah tersebut dari 10 tahun kepada 5 tahun. Menurut laporan daripada Pejabat Buruh Sitiawan, tuan-tuan punya ladang tersebut telah mengalami kerugian tahun demi tahun sejak mereka membeli ladang tersebut. Hanya selepas ladang tersebut diambil alih oleh Plantation Agencies dalam tahun 1979 barulah kedudukan kewangannya dapat dipulihkan.

Mengenai bekalan elektrik, pada masa ini ladang tersebut sedang membekalkan elektrik secara percuma kepada hanya 37 unit rumah tiap-tiap hari dari jam 5.00 pagi hingga 6.30 petang dan dari 6.30 petang hingga 10.30 malam. Menurut Majikan tersebut elektrik akan dibekalkan kepada unit-unit rumah baru apabila siap kelak.

Perbekalan elektrik tidak diwajibkan di bawah Akta (Piawai Minimum Perumahan), 1966.

PALESTIN—MENYOKONG PERJUANGAN RAKYAT

6. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang menyelaraskan dasar menyokong perjuangan rakyat Palestin dengan kegiatan badan-badan kerajaan dan separuh kerajaan yang bergiat dalam bidang ekonomi supaya mereka tidak menjalankan kegiatan bersama dengan syarikat-syarikat Yahudi atau yang memelihara kepentingan Israel. Ini adalah kerana tanpa penyelarasan tersebut menunjukkan dasar menyokong perjuangan rakyat Palestin itu tidak istiqamah dan meragukan.

Setiasaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan Kementerian ini tidak terdapat mana-mana Jabatan Kerajaan atau badan-badan berkanun yang membuat perhubungan perniagaan dengan syarikat-syarikat atau gudang-gudang perniagaan Yahudi/Israel pada masa sekarang. Perintah Larangan Kastam 1977 jelas menyatakan bahawa perniagaan import dan eksport secara langsung atau tidak langsung dengan Israel adalah diharamkan. Begitu juga kemasukan barang-barang Israel oleh penduduk negeri ini untuk kegunaan sendiri juga dilarang. Perjalanan rakyat Malaysia ke Israel atau sebaliknya adalah juga tidak dibenarkan di bawah Peraturan Imijeresen. Jadi kemungkinan untuk Jabatan-jabatan Kerajaan atau badan-badan berkenaan melanggar peraturan bolehlah dikatakan tiada.

Sokongan kita kepada perjuangan Palestin adalah jelas, tegas dan tidak bertolak ansur. Saya juga ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa pendirian Malaysia adalah dihormati dan disanjung tinggi oleh negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam, khasnya Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) yang mewakili rakyat Palestin.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan tidak ada hubungan secara langsung atau tidak langsung perniagaan dengan syarikat-syarikat Yahudi. Saya ingin mendapat penjelasan, oleh kerana Singapura masih berhubung dengan Yahudi dari segi perniagaan, ada lagi buah-buah yang diimport daripada Yahudi ke Singapura dan sebahagian rakyat Malaysia membeli buah-buah tadi masuk ke Tambak Johor dan ke Johor, ini secara tidak langsung. Jadi, apakah langkah supaya jangan langsung buah daripada Yahudi itu sampai ke tanahair kita?

Tuan Yang di-Pertua: Ini adakah rakyat Johor yang membeli dari Pulau Singapura atau memang ada dijual di sini?

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Dijual di Singapura tetapi rakyat kita beli, bawa ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Orang Johorlah yang banyak itu. (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak melibatkan dalam persoalan ini, dengan izin, secara deliberate. Kita memandang bahawa kegiatan-kegiatan yang tersebut dari segi usaha rakyat negara ini sendiri. Jadi kita tidak boleh, dengan izin, split hairs. Jadi sukarlah bagi kita hendak melaksanakan apa yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, walaupun dasar kita menyokong perjuangan rakyat Palestin ini dianggap tidak istikamah dan meragukan Wakil dari Baling, saya rasa tidak seorang pun rakyat Malaysia akan sanggup mati dan mengorbankan jiwa raga mempertahankan Palestin. Soalan saya, apakah sokongan negara kita selama ini telah melebihi negara-negara Arab sendiri di dalam pembebasan Palestin dan apakah usaha-usaha Malaysia kita untuk menyatukan negara Arab demi untuk kebebasan Palestin ini?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya menyatakan bahawasanya buat masa ini Pertubuhan Perhimpunan Islam (PPI) menghormati kita, lebih-lebih lagi PLO. Ini menunjukkan bahawa usaha kita boleh dikatakan baik dan disanjung tinggi oleh mereka. Kalau kita lihat dari segi pertolongan bantuan kita, khususnya pada PLO dari segi kewangan, kita ada menjual stamp dan kita menghadiahkan kepada mereka tak kurang sebanyak \$109,880.45 dan dari segi Jerusalem Fund kita juga telah menderma kepada mereka US\$30,000 dan kemudahan kepada PLO di sini seperti kemudahan pejabat, utilities dan sebuah motokar. Dan berhubung dengan seruan kita terhadap perpaduan Arab sukaiah saya menyatakan di sini bahawa dalam persidangan Islam di Morocco baru-baru ini, dan saya telah dihantar sebagai mewakili Malaysia telah menyatakan kepada negara Arab sendiri bahawa perkara yang perlu untuk Arab ialah menyatu-padukan mereka sehingga saya sebutkan ayat Quran: 'Wa'tasimu bi-hablillahi jamia' wa-laatafaraqu. Ini bermakna perjuangan kita untuk menyatu-padukan seluruh umat Islam itu bukanlah sedikit tetapi banyak.

Tuan Pengerusi: Itu bukan makna, ayat Quran itu.

Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Tuan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan kita tidak ada sebarang perniagaan ataupun kerjasama dengan pihak Yahudi. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen berkenaan sama ada atau tidak ikatan Kerajaan Malaysia dengan Rothchild iaitu seorang financier yang terkemuka di dalam dunia ini dan seorang bangsa Yahudi?

Tuan Yang di-Pertua: Itu mungkin Tuan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan berkehendakkan notis dalam perkara ini.

Tuan Lee Kaw: Adakah Setiausaha Parlimen berkenaan sedar Kerajaan Malaysia menyokong PLO hanya dibibir mulut sahaja oleh kerana ada satu pejabat PLO di Jalan Swettenham dan wakil PLO itu meminta bantuan dari Kerajaan mengenai pejabatnya yang buruk itu dan tidak ada keselamatan,

tidak ada fencing dan lain-lain, tetapi Kerajaan Malaysia langsung tidak menjawab permintaan PLO mengenai pejabatnya di Jalan Swettenham itu.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalnya bukanlah masalah material, tetapi yang perlu pada hari ini ialah perjuangan spiritual. Jadi sokongan kita dari segi spiritual adalah seratus peratus. Jadi apakah lagi yang dikehendaki, tak guna ada binaan yang besar tetapi sokongan spiritual tak ada.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Setiausaha Parlimen mungkin maklum pengorbanan kita dari segi boikot ekonomi terhadap Israel itu hanya akan membawa kesan yang dikehendaki jika ianya merupakan lebih universal. Jadi soalan saya apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan kita bersama-sama dengan negara Islam supaya boikot ekonomi itu akan disokong oleh lebih ramai lagi negara-negara dalam dunia ini supaya ianya akan membawa kesan yang dikehendaki.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya pertama sekali adalah ahli Pertubuhan Perhimpunan Islam dan kita juga menjadi ahli negara-negara berkecuali dan kita juga menjadi anggota Asean. Jadi segala seruan yang kita buat di forum-foram berhubung dengan masalah ini tentu sekali dibangkitkan dari satu masa ke satu masa. Jadi dengan pandangan itu kita mengharapkan mereka menyokong perjuangan kita itu dan kita dapati setakat ini sokongan itu memanglah menggalakkan.

BURUH—PELUANG PEKERJAAN DI SEKTOR SWASTA

7. **Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan adakah Kementeriannya bercadang untuk membekalkan semua buruh kepada sektor swasta sama ada perkilangan-perkilangan dan perumahan melalui Kementeriannya.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, bukanlah menjadi dasar Kerajaan ini untuk membekalkan

semua tenaga pekerja di sektor swasta sama ada dalam sektor perkilangan ataupun sektor perumahan. Amalan-amalan yang dijalankan sekarang ini di mana majikan-majikan mendapatkan tenaga pekerja melalui berbagai-bagai cara seperti membuat iklan di akhbar-akhbar, melalui agensi-agensi pekerjaan swasta adalah memuaskan dan wajar diteruskan.

Walau bagaimanapun, melalui perkhidmatan pekerjaan di bawah Kementerian saya, usaha-usaha adalah dijalankan untuk membantu majikan-majikan mendapatkan tenaga pekerja mereka. Pada masa ini terdapat 48 buah pejabat-pejabat pekerjaan sepenuh masa di seluruh Malaysia yang bergerak sebagai agensi perantaraan di antara majikan-majikan dan pencari-pencari kerja yang berdaftar dengannya. Dengan secara tidak langsung matlamat perkhidmatan pekerjaan ini adalah untuk menyalurkan pencari-pencari kerja ke dalam kerja sesuai dengan pengalaman dan kelulusan mereka.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu dalam jawapannya sebentar radi beliau menyebut tentang peranan Labour Exchange dalam menyediakan tenaga buruh bagi perkhidmatan awam dan swasta. Saya ingin tahu sama ada beliau sedar Labour Exchange ini tidak begitu efektif, tidak begitu berkesan menyebabkan terdapat banyak bercambah agensi mencari pekerjaan swasta (private) yang mengenakan bayaran wang yang banyak, yang mahal kepada orang yang ingin mendapat kerja dan keadaan pertumbuhan private labour exchange ini tidak begitu teratur dan apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengawal perkara ini.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu. Apa yang dapat saya katakan Jabatan Perkhidmatan Pekerjaan di bawah Kementerian ini adalah sesuai dan boleh saya beri sedikit angka menunjukkan apa yang kami telah buat di seluruh negara selepas 10 tahun lalu. Di dalam 48 pusat pekerjaan itu kami telah mendaftarkan lebih dari 1.5 juta pemohon pekerjaan dan telah dapat menempatkan lebih daripada 400,000 pekerjaan.

Jadi, apakah tindakan yang kami boleh buat bagi mengatasi masalah agensi-agensi swasta itu kami sekarang telah mengambil tindakan dan sekarang ada dibentangkan di Parlimen ini suatu Rang Undang-undang mengenainya.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa peranan yang dimainkan oleh pejabat pekerjaan itu kurang disadari oleh rakyat di luar bandar, tetapi yang sedar sangat adalah hanya rakyat di bandar sahaja. Adakah pihak Kementerian bercadang supaya pusat pekerjaan ini sebagai permulaan menghantar rombongan ke daerah-daerah luar bandar untuk memberitahu tentang peranannya dan juga untuk mendaftar pihak-pihak yang penganggur.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, memang saya sedar banyak lagi tempat di luar bandar di mana perkhidmatan pekerjaan ini tidak sampai, tetapi perkara ini Kementerian saya masih berusaha supaya boleh dapat tambahan lagi kakitangan untuk mengatasi masalah ini.

KERAJAAN BABRAK KAMAL— KEENGGANAN RUSSIA KELUAR

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Luar Negeri menyatakan bahawa krisis di Afghan di antara Kerajaan Babrak Karmal masih menjadi-jadi di mana Soviet masih engkar mengundurkan tenteranya dari Wilayah tersebut dan sejauh manakah anggota-anggota ASEAN memainkan peranannya terhadap negara tersebut.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang sedar tentang keadaan yang wujud di Afghanistan sebelum dan semenjak pencerobohan Soviet ke atas negara Islam dan negara berkecuali itu. Kita juga sedar bahawa Soviet Union masih belum menghiraukan pendapat antarabangsa yang menyerunya mengundurkan keseluruhan tenteranya dengan serta merta.

Di Bangsa-bangsa Bersatu, Negara-negara ASEAN telah menolak secara bulat-bulat keadaan yang diwujudkan akibat pencerobohan Soviet ke atas Afghanistan, termasuk regim Babrak Karmal. Di samping itu Malaysia dan Indonesia telah menjelaskan

pendirian masing-masing di kedua-dua sesi terakhir Pertubuhan Persidangan Islam. Pendirian Malaysia dan ASEAN tentang masalah ini ialah:

- (a) Kita tidak boleh dan tidak akan menyokong sebarang regim yang ditubuhkan dan disokong oleh tentera luar;
- (b) Kita meminta pengunduran sepenuhnya dan tanpa syarat tentera-tentera luar; dan
- (c) Kebebasan bagi rakyat Afghan untuk melaksanakan hak-hak kebangsaan mereka yang asasi untuk menentukan bentuk Kerajaan mereka, bebas daripada sebarang campurtangan luar.

ASEAN juga telah menyuarakan bantahannya ke atas keadaan di Afghanistan dengan mengambil keputusan:

- (i) enggan mengadakan perhubungan dengan regim Babrak Karmal; dan
- (ii) enggan mengambil bahagian di dalam Sukan Olimpik di Moscow baru-baru ini.

ASEAN akan terus berdamping dengan masyarakat antarabangsa untuk mendesak Soviet Union mengundurkan tenteranya dari Afghanistan. Kita akan tetap mendesak sehingga tercapainya satu penyelesaian politik.

Dato' Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, Malaysia dan Asean telah memainkan peranan, jadi soalan saya adakah di dalam perbincangan dengan negara-negara Asean timbul masalah perlu kita memutuskan hubungan diplomatik dengan Russia sekiranya Russia masih berdegil.

Yang kedua, pada tahun lalu saya difahamkan ada bantuan material daripada negara kita kepada rakyat Afghan atau pelarian Afghan, jadi saya ingin tahu tahun ini adakah apa-apa bantuan yang akan diberi kepada mereka.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, secara khusus susah hendak diperkatakan, sebenarnya perbincangan yang telah kita adakan merangkumi berbagai-bagai perkara.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak Kementerian membuat arahan yang tegas supaya pihak Kedutaan kita di luar negeri tidak menjemput Duta-duta Besar Regim Babrak Karmal ini untuk menghadiri sesuatu jamuan yang diadakan oleh Kedutaan kita oleh sebab kesilapan ini pernah berlaku.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin, soalan No 9.

PELABUHAN KUANTAN— PERUNTUKAN PEMBINAAN

9. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah perbezaan perbelanjaan yang dijangkakan bagi pembinaan Pelabuhan Kuantan ini, sila nyatakan sebab musabab yang membawakan perbezaan perbelanjaan di antara projek yang asalnya dirancangan dengan kos pembinaan yang diperlukan sekarang, mungkinkah Pelabuhan Kuantan ini dipergunakan dengan sepenuhnya tanpa menimbulkan apa-apa kekhawatiran dari segi keselamatannya seperti keretakan yang didapati dan lain-lain faktornya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan pembinaan Pelabuhan Kuantan dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah sebanyak \$246 juta. Perbelanjaan sebenar setakat ini berjumlah \$213 juta. Perbezaan perbelanjaan berlaku sebab ada beberapa kerja pembinaan belum lagi dapat dimulakan. Ini di antara lain merupakan pembinaan 'nautical building', rumah kakitangan pekerja-pekerja penting, parit-parit besar dan sistem memadam api untuk gudang-gudang.

Kerajaan yakin Pelabuhan Kuantan boleh diguna dengan sepenuhnya apabila segala yang harus diperbaiki telah dibetulkan tanpa timbul apa-apa kekhawatiran dari segi keselamatan kapal-kapal dan penggunaan pelabuhan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapa jumlah wang yang sudah dibelanjakan untuk membaiki keretakan di pelabuhan itu dan dapatkah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu juga memberitahu pada tahun berapakah Pelabuhan Kuantan itu boleh diguna dengan sepenuhnya.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum Sir Bruce White & Partners telah dilantik untuk menentukan siapa yang salah dalam kegagalan pembinaan dermaga-dermaga di Pelabuhan Kuantan dan sedang menjalankan beberapa tugas-tugas yang lain. Laporan Siasatan atau Investigation Report Sir Bruce White & Partners telah dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan pada bulan Julai, 1980. Dalam laporan siasatan ini Sir Bruce White & Partners pun telah menentukan mengikut kajian dan kesimpulannya siapa pihak yang salah, pihak kontraktor atau consultant. Di samping itu Firma Perunding ini pun telah mengemukakan laporan tentang remedial work pada bulan Oktober, 1980. Kedua-dua laporan ini sedang diambil tindakan oleh Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Kerjaraya dan pihak-pihak yang lain.

Satu lagi laporan iaitu tentang liability undang-undang atau legal report yang membolehkan Kerajaan mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang salah, yang bertanggungjawab ini sedang ditunggu oleh Kementerian. Oleh yang demikian, pada saat ini Kementerian tidak dapat menentukan bila kerja membaiki dapat dijalankan dan bila dermaga-dermaga yang gagal dapat diperbaiki dan dibuka untuk kegunaan.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menurut jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kuantan Port akan berbelanja sebanyak \$246 juta, tetapi oleh kerana beberapa projek belum habis, baru dibelanjakan sebanyak \$213 juta. Saya ingin mendapat tahu daripada Timbalan Menteri oleh kerana projek ini ada recommendation dari laporan-laporan ini berapakah jumlah projek ini yang akan ditambah lagi?

Tuan Yang di-Pertua: Nantilah sampai ke jambatan, baru menyeberang. Laporan ini masih ada lagi dalam Kementerian. Yang

Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa projek ini akan dibelanjakan \$246 juta. Saya katakan tadi peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk projek ini ialah \$246 juta, dan Tuan Speaker telahpun menjelaskan iaitu pada saat ini tidak dapat ditentukan jumlah wang yang diperlukan untuk memperbaikinya.

PERKHIDMATAN TELEFON

10. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan dengan tepatnya bilakah rakyat di kawasan pendalaman seperti di Sik dan Pendang akan diberikan perkhidmatan telefon yang lebih sempurna dan berfaedah dan sebab kesulitan ini dibiarkan berlaku.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya dan Jabatan Telekom sentiasa berusaha mengada, membaiki dan menambah perkhidmatan telefon di seluruh negara termasuk di kawasan-kawasan pendalaman dengan tujuan untuk memberi perkhidmatan yang sempurna dan menyeluruh, tetapi ini akan mengambil masa untuk disempurnakan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, kedua-dua kawasan yang tersebut iaitu Sik dan Pendang pada masa ini telahpun menikmati kemudahan perkhidmatan telefon yang moden dan sempurna. Pelanggan-pelanggan telefon di kawasan Pendang telahpun mendapat kemudahan perkhidmatan automatik beberapa tahun yang lalu. Satu ibusawat automatik yang berkeupayaan 400 talian dengan kemudahan Sendiri Terus Dail (STD) telahpun dilancarkan di kawasan Pendang. Melalui perkhidmatan STD ini pelanggan-pelanggan telefon di daerah tersebut boleh mendail atau memutar terus kepada pelanggan-pelanggan di kawasan rangkaian ibusawat lain dengan menggunakan kod-kod kebangsaan tanpa melalui Telefonis.

Bagi kawasan Sik pula Jabatan Telekom telahpun mengadakan 100 talian telefon dengan 28 cawang. Pada masa ini pelanggan-pelanggan telefon di kawasan Sik memang menghadapi sedikit kesulitan untuk

membuat panggilan keluar dan ini adalah disebabkan kerana kekurangan kebel cawang di antara kawasan Sik dengan Sungai Petani. Bagi mengatasi masalah ini Jabatan Telekom sedang menjalankan kerja-kerja memasang dan menambah kebel-kebel termasuk 10 kebel cawang utama untuk menghubungi ibusawat telefon di Sik ke rangkaian ibusawat di Sungai Petani. Kerja-kerja ini dijangka siap pada tahun 1981.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana scalan ini melibatkan rakyat di kawasan pendalaman, jadi saya ingin mendapat tahu adakah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan mencontohi Jabatan Kerjaraya yang telah mengisytiharkan bahawa tahun 1990 semua rakyat akan dapat air. Adakah Kementerian ini juga akan memberi satu masa, dengan izin, target date bahawa tahun berapakah semua rakyat akan dapat dibekalkan dengan tenaga-tenaga ini?

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak mengadakan satu anggaran target date untuk memberi perkhidmatan menyeluruh ke seluruh Malaysia dalam negara ini kerana pada pendapat kami untuk memberi perkhidmatan 100% tidak mungkin berlaku.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa dalam semua Jabatan-jabatan Kerajaan yang telahpun dipertanggungjawabkan untuk membawa berbagai-bagai perkhidmatan ataupun pembangunan kepada kawasan luar bandar, maka Jabatan Telekomlah yang paling tidak berkesan dan tidak berjaya dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru menyandang jawatan ini sedia untuk mengubah sedikit prioritynya supaya kawasan luar bandar ini akan mendapat keutamaan yang saksama dalam soal mengatasi masalah ini?

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat tetapi ini ialah kerana keadaan teknologi Telekom yang ada pada hari ini. Dalam Rancangan Malaysia Keempat satu sistem baru yang menyeluruh iaitu microwave system akan digunakan sepenuhnya dan dengan adanya sistem ini

'radio telephone' akan dapat diadakan di kawasan-kawasan yang terpencil bagi mengatasi kesulitan mengadakan kebel-kebel seperti yang ada pada hari ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah menjadi dasar Kementerian ini untuk membeza-bezakan di antara perkhidmatan telefon dalam negeri dengan perkhidmatan telefon luar negeri. Daripada pengalaman yang kita dapati sekarang perkhidmatan telefon luar negeri cukup cekap (efficient) dan cukup terang, kalau kita bercakap daripada sini ke Hawaii misalnya adalah lebih kurang daripada kita bercakap dari Kuala Lumpur ke Gombak. Jadi kenapa ada perbezaan ini? Adakah ini menjadi dasar dan kalau tidak menjadi dasar bilakah dapat diadakan perkhidmatan yang seimbang antara perkhidmatan luar negeri dengan perkhidmatan dalam negeri?

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, dalam penggunaan ataupun perkhidmatan telefon, rangkaian ataupun kemudahan yang ada itu akan memberi kesan sama ada telefon itu dapat digunakan dengan sempurna atau tidak. Rangkaian yang digunakan untuk luar negeri pada hari ini telahpun disiapkan oleh badan-badan antarabangsa dan kita cuma menggunakan kemudahan-kemudahan ini.

Bagi kemudahan-kemudahan dalam negeri pula oleh kerana rangkaian itu terlampau meluas dan kebanyakan daripada rangkaian ini sudahpun berumur maka adalah didapati gangguan-gangguan dalam penggunaan perkhidmatan ini. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Keempat satu peruntukan yang besar telahpun diadakan untuk menambah lagi perkhidmatan-perkhidmatan ini dan juga memperbaiki kemudahan-kemudahan yang telah ada.

MINYAK PETROL—ASAS KENAIKAN HARGA

11. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah asas untuk Kerajaan membenarkan kenaikan harga minyak petrol baru-baru ini memandangkan harga petrol telah dinaikkan pada bulan April tahun ini dan semasa kenaikan harga petrol diumumkan, mengapa

harga-harga petrol selalunya dibandingkan dengan negeri-negeri yang tidak mengeluarkan minyak petrol seperti Singapura, negeri Thai dan Jepun, dan bukan dengan negeri-negeri yang mengeluarkan minyak petrol seperti Brunei dan Indonesia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik): Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada pertanyaan mengenai asas yang digunakan oleh Kerajaan untuk membenarkan kenaikan harga barang-barang petroleum telahpun diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian di Dewan yang mulia ini pada 14hb Oktober, 1980. Beliau menjawab soalan dari Ahli Yang Berhormat dari Teluk Anson.

Mengenai bahagian kedua soalan ini, jawapannya pun telah diberikan oleh beliau ketika menjawab soalan yang hampir sama dari Ahli Yang Berhormat dari Tumpat pada 11hb November, 1980. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ismail bin Said.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin, soalan No 12.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini sekarang atas nama Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI—PENJUALAN SAHAM KEPADA BUMIPUTRA

12. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan setakat ini jumlah anak-anak Syarikat Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang telah menjualkan saham-saham mereka kepada Bumiputra perseorangan dan Syarikat-syarikat Bumiputra dan jumlah saham yang terlibat.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini ada sebanyak 15 buah anak-anak syarikat Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang telah menjual sebilangan

4,869,005 saham yang bernilai \$5,224,495 kepada bumiputra perseorangan dan juga syarikat-syarikat bumiputra. Ada antara saham-saham ini merupakan pemegangan ekuiti oleh kepentingan-kepentingan bumiputra semenjak ditubuhkan syarikat-syarikat yang terlibat.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana Yang Berhormat Menteri sedia maklum syarikat-syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri ini adalah dibina di atas wang rakyat dan sebagai pemegang amanah bagi bumiputra pada keseluruhannya. Jadi, adakah pihak Kementerian menerima prinsip bahawa apabila menjual saham syarikat-syarikat ini faedahnya harus dirasai oleh seluas-luas bumiputra, bukan kepada segelintir orang sahaja?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, inilah punca asas yang dipegang cuma ada kalanya syarikat-syarikat itu asalnya ditubuhkan dengan usahasama antara orang perseorangan dengan PKEN-PKEN itu maka ada kalanya orang ini mengambillah saham daripada PKEN.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jumlah 15 buah anak-anak syarikat Perbadanan yang telahpun dijual sahamnya kepada bumiputra itu, berapakah jumlah daripada itu yang masih dapat menjalankan usaha-usahanya dengan menguntungkan?

Yang keduanya, apakah ini akan menjadi dasar yang terus akan diamalkan oleh Kerajaan dalam soal penjualan saham iaitu menjual saham syarikat itu secara terus kepada bumiputra perseorangan ataupun pada masa-masa akan datang akan disalurkan melalui Perbadanan seperti Amanah Saham Nasional?

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, semua syarikat yang telah dibeli sahamnya oleh orang perseorangan atau syarikat bumiputra itu masih berjalan dengan baik dan kita harap akan terus berjalan dengan baik pada masa akan datang. Mengenai dasar yang akan diikuti adalah mengikut keadaan di mana didapati ada orang perseorangan bumiputra yang bukan sahaja ada modal untuk mengambillah saham-saham itu

tetapi juga mempunyai keupayaan meneruskan perniagaan itu dengan berjaya maka mungkin boleh dipertimbangkan. Tetapi seperti saya katakan tadi asasnya ialah jikalau kumpulan-kumpulan atau kelompok-kelompok bumiputra atau syarikat-syarikat bumiputra ingin mengambilalih sudah pasti keutamaan akan diberi kepada golongan-golongan yang besar ini.

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan dan jawapan di dalam Dewan ini bahawa syarikat-syarikat Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri umpamanya menjual saham kepada rakyat atau bumiputra dalam keadaan ia sedang berkembang dengan maju, maknanya dalam keadaan untung dan tidak dalam keadaan bila hendak bankrap baru hendak dijual saham, sebab ini berlaku seperti MAJU di Johor, sudah hendak bankrap baru diserahkan kepada rakyat, akhirnya mundur.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memanglah apabila kita hendak menjual saham itu kepada golongan-golongan atau kepentingan bumiputra sepatutnya dijual saham-saham syarikat yang sedang maju tetapi ada kalanya di masa yang lepas di mana golongan bumiputra itu sendiri ingin membeli saham-saham syarikat itu dalam keadaan syarikat itu kurang maju kerana mereka penuh keyakinan jikalau mereka mengambilalih sepenuhnya atau mengambilalih majoriti mereka boleh membuatkan syarikat itu turn-around misalnya, dan ini telah ada dibuat di setengah-setengah syarikat penting seperti syarikat kenderaan misalnya.

UDA/MARA MELATIH BUMIPUTRA DI SABAH

13. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(a) apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh UDA atau MARA atau agensi-agensi lain di bawah Kementerian tersebut untuk menolong kaum Bumiputra di Sabah;

(b) setakat ini sejauh manakah kejayaan agensi Kerajaan menolong kaum Bumiputra di negara ini khususnya di Sabah; dan

(c) berapa banyakkah pinjaman telah diberi kepada Bumiputra dalam tahun ini dan berapa banyakkah peruntukan yang telah diberikan untuk pinjaman pada tahun ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ada agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam yang terlibat secara langsung dalam usaha untuk menggalak, membimbing dan melatih dan membantu bumiputra supaya menyertai dengan aktif dan maju dalam kegiatan perdagangan dan perusahaan kecil dan sederhana ke arah pembentukan masyarakat peniaga yang berjaya dan kukuh. Juga ada agensi-agensi lain seperti Perbadanan Pembangunan Bandar yang berfungsi untuk meningkatkan lagi hakmilik bumiputra dari segi stok dan nilai serta menambahkan penyertaan bumiputra dalam bidang perniagaan dan perusahaan di bandar-bandar.

Di dalam memikul tanggungjawab ini khususnya di Sabah, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah telah banyak membantu para usahawan bumiputra melalui aktiviti anak-anak syarikatnya. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat ini termasuklah perniagaan memborong dan mengedar barang serta mengendalikn projek-projek sosio-ekonomi untuk membantu peniaga-peniaga bumiputra mendirikan rumah-rumah kedai di kawasan bandar-bandar dan luar bandar.

Bilangan guna tenaga bumiputra yang terlatih juga telah dapat ditambah melalui kursus-kursus bimbingan dan khidmat nasihat yang diatur oleh MARA. Ramai lagi pula yang telah mendapat kemudahan-kemudahan pinjaman kewangan yang disediakan untuk perusahaan dan perniagaan.

Di bidang pelajaran pula ramai penuntut bumiputra dari Sabah telah menerima bantuan kewangan serta mendapat tempat di beberapa buah institusi pelajaran.

Sejak penubuhannya Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah telah berjaya membina sebanyak 60 yunit rumah kedai untuk bumiputra di bawah skim pinjaman

perniagaannya. Seramai 170 orang pelatih telah mengikuti latihan kemahiran anjuran MARA. 11 orang telah menerima biasiswa atau pinjaman pelajaran, 117 orang penuntut telah mendapat tempat di Maktab-maktab Rendah Sains MARA dan ramai lagi yang mendapat faedah dari pelbagai kursus dan khidmat nasihat usahawan yang disediakan. UDA pula setakat ini melalui program pembangunan tanahnya telah berusaha sama dengan pengusaha tempatan bagi mendirikan sebuah kompleks pejabat di Tawau.

Jumlah pinjaman yang telah diberi kepada bumiputra di Sabah dalam tahun ini iaitu sehingga pertengahan tahun ialah sebanyak \$458,991. Jumlah peruntukan yang telah diberikan untuk pinjaman para usahawan bumiputra di Sabah bagi tahun ini ialah sebanyak \$5,016,000.

TAHANAN YANG DISIKSA OLEH POLIS

14. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar komplek yang begitu banyak mengenai siksaan polis kepada tahanan-tahanan yang disyak dan sekiranya tahu, adakah beliau akan mengarahkan pihak polis supaya mematuhi peraturan-peraturan atau undang-undang.

Tuan Sanusi bin Junid: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Polis tidak terkecuali daripada tindakan undang-undang dan mereka juga dianggap sebagai lain-lain penjenayah sekiranya mereka salah mengendalikan suspect-suspect dalam masa menjalankan soal-desak. Arahan-arahan serta peraturan-peraturan jua telah dikeluarkan oleh Ketua Polis Negara dari masa ke semasa bagi memastikan supaya perkara-perkara yang tidak diingini tidak akan berlaku semasa mengendalikan suspect.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan setakat hari ini adakah pihak beliau menerima aduan-aduan yang mengatakan pihak Polis melakukan perkara-perkara seperti mana yang disebut di dalam soalan ini.

Tuan Sanusi bin Junid: Dari tahun 1977 hingga Oktober 1980 pihak Polis telah menerima 394 complaint. Hanya 33 sahaja daripada jumlah ini yang berasas dan telah dibawa ke Mahkamah, 12 didapati bersalah.

PERKHIDMATAN TELEFON DI BELAGA

15. Tuan Sibat Miyut anak Tagong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilakah Belaga akan dibekalkan dengan perkhidmatan telefon untuk menggantikan sistem Panggilan Radio yang sedang digunakan pada waktu ini.

Dato' Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Telekom telah membuat satu rancangan untuk memberikan perkhidmatan telefon automatik ke kawasan Belaga. Projek ini termasuk dalam projek Rancangan Malaysia Keempat dan ianya dijangka akan siap pada akhir tahun 1982 ataupun awal tahun 1983.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 16 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

ANAK-ANAK PELARIAN FILIPINA DI SABAH—KEWARGANEGARAAN

3. Tuan Hiew Nyuk Yin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada anak-anak pelarian Filipina yang dilahirkan di Sabah akan diberikan kewarganegaraan Malaysia mengikut kelahirannya, jika benar, adakah Kementeriannya akan menimbang untuk memperkenalkan sistem pendaftaran kelahiran yang berasingan untuk mereka.

Tuan Sanusi bin Junid: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat taraf kewarganegaraan Malaysia tidak akan diberi kepada anak-anak pelarian Filipina yang dilahirkan di Sabah. Kerajaan juga tidak berhajat untuk mengadakan sistem pendaftaran kelahiran yang berasingan untuk mereka.

PELAJAR BUMIPUTRA BUKAN ISLAM DI UNIVERSITI

16. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan bukan Islam Bumiputra dari Sarawak yang belajar di:

- (a) Universiti Malaya
- (b) Universiti Kebangsaan Malaysia; dan
- (c) Institiut Teknologi MARA

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):

Bilangan pelajar Bumiputra yang bukan Islam dari Sarawak di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Institiut Teknologi MARA pada sesi 1980/81 adalah seperti berikut:

- (a) UNIVERSITI MALAYA
Pelajar-pelajar Bumiputra dari Sarawak yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama ialah 166. Universiti Malaya tidak ada rekod mengenai agama bagi pelajar-pelajar Bumiputra dari Sarawak.
- (b) UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Jumlah pelajar-pelajar Bumiputra bukan Islam dari Sarawak yang mengikuti kursus di peringkat ijazah pertama di Universiti Kebangsaan Malaysia ialah 19 orang.
- (c) INSTITIUT TEKNOLOGI MARA
Jumlah pelajar-pelajar Bumiputra bukan Islam dari Sarawak di Institiut Teknologi MARA ialah 142 orang.

BANGUNAN BARU SEKOLAH-SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA/TAMIL

17. Tuan Lee Kaw minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang terdapat di kampung-kampung baru dan di ladang-ladang tidak diberi wang oleh Kementeriannya untuk membina bangunan-bangunan baru atas alasan sekolah tersebut dibina di atas tanah persendirian; adakah beliau sedar kebanyakan sekolah-sekolah tersebut sudahpun lama dan tidak boleh diperbaiki lagi dan merupakan satu

ancaman terhadap keselamatan dan nyawa murid-murid; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Dato' Musa bin Hitam: Kementerian saya sedar masih ada sekolah-sekolah yang terdapat di negara ini yang berkeadaan buruk tetapi kedudukan ini tidak hanya terhad kepada Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan China dan Tamil di kampung-kampung baru dan di ladang-ladang sahaja tetapi adalah juga terdapat di sekolah-sekolah rendah Kerajaan. Adalah tidak benar Kementerian Pelajaran tidak memberi perhatian kepada sekolah-sekolah ini atas alasan sekolah-sekolah tersebut dibina atas tanah persendirian. Sebagai dasar Kementerian Pelajaran tidak memberikan 100% peruntukan bagi sekolah bukan milik Kerajaan (sekolah Bantuan Modal). Pihak Lembaga Pengurus Sekolah kenalah menyediakan 50% dari kos projek dan selebihnya ditampung oleh Kementerian Pelajaran. Bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang dimiliki oleh Kerajaan di kampung-kampung baru dan ladang-ladang Kementerian akan menaungu perbelanjaan pembinaan bangunan baru dengan sepenuhnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Keempat sejumlah \$20 juta akan disediakan bagi pecahan kepala Bantuan Modal. Peruntukan ini akan dibelanjakan bagi semua sekolah-sekolah yang bukan milik Kerajaan, termasuk sekolah-sekolah rendah China dan Tamil.

KES KECURIAN DAN PECAH RUMAH DI SELAYANG BARU

18. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai oleh pihak Polis di Selayang Baru mengenai kes-kes kecurian dan pecah rumah yang sering berlaku di sana dan berapakah kes kecurian dan pecah rumah yang telah dilaporkan dalam masa tiga bulan kebelakangan ini serta berapa orang telah ditangkap kerana kesalahan tersebut.

Tuan Sanusi bin Junid: Pihak Polis sentiasa menialankan serbuan-serbuan dan pemeriksaan di dalam mencegah kejadian jenayah di mana-mana sekalipun termasuklah kawasan

Selayang Baru. Beberapa kejayaan telah dicapai oleh pihak Polis Selayang di dalam membenteras kegiatan-kegiatan mencuri dan pecah rumah. Pada tahun ini sehingga bulan Oktober yang lalu, harta yang bernilai \$8,758.00 telah dapat dirampas semula daripada penjenayah-penjenayah tersebut. Seramai 21 orang telah ditangkap dan 12 kes telahpun diselesaikan.

Dalam masa tiga bulan kebelakangan ini terdapat 65 kes pecah rumah dan 52 kes curi. Seramai 2 orang ditangkap kerana terlibat dalam kes pecah rumah dan 5 orang ditangkap kerana terlibat dalam kes curi.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1981

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1981

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1981 dan Anggaran Pembangunan 1981 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (Hari Kesebelas)

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis sedang menimbangkan Anggaran Perbelanjaan bagi Maksud B.33, B.34, B.35, B.36 dan B.37 dan juga Anggaran Perbelanjaan Pembangunan P.33, P.36 dan P.66 di bawah Kementerian Kewangan. Saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada pukul 5.00 petang ini atau lebih awal kiranya tiada Ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian dalam perbahasan.

Sekarang perbahasan disambung semula. Ahli Yang Berhormat dari Panti.

Maksud B.33, B.34, B.35, B.36 dan B.37 (Jadual)—

Maksud P.33, P.36 dan P.66 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

3.35 ptg.

Dato' Yusof bin Malim Kuning (Panti):

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit B.36, muka surat 330, Aktiviti 2—Kastam.

Di sini Kastam boleh dikatakan tempat Kerajaan mendapatkan hasil sama ada hasil cukai keluar atau cukai masuk. Saya harap dengan peruntukan ini dan sekiranya peruntukan ini tidak cukup, bolehlah pihak Kementerian mengkaji semula, sebab kejadian-kejadian atau kesesakan yang berlaku baru-baru ini di Pelabuhan Kelang umpamanya melibatkan kelambatan barang-barang diuruskan. Sekiranya perlu pihak Kastam diberi lebih masa kepada Pegawai-pegawai Kastam untuk bekerja supaya tidak berlaku lagi kesesakan-kesesakan, mungkin beberapa hari yang lalu berlaku di Pelabuhan Kelang dan mungkin juga akan berlaku di Pelabuhan Pulau Pinang dan juga di Pelabuhan Pasir Gudang di Johor. Untuk menhadapi keadaan-keadaan yang seumpama ini lebih-lebih lagi pada tahun hadapan, saya harap akan ditambah peruntukannya dan diletakkan pegawai dan diberi arahan supaya mereka dapat bekerja lebih masa.

Yang kedua, saya hendak menyentuh P.36, muka surat 339, Butiran 1—Pejabat-pejabat Kastam dan Rumah-rumah Kediaman.

Dengan peruntukan ini, saya harap di Tambak Johor atau Kastam di Johor Baru pada hari ini dengan keadaan perkembangan dan kemewahan yang dirasakan oleh rakyat dengan sebab kemajuan ekonomi negara, rakyat banyak menerima nikmat dan banyak duit untuk melancung ke luar negeri dan juga banyak hasil-hasil yang dieksport ke luar negeri dan banyak barang-barang yang kita import dari luar negeri, kesesakan yang berlaku hari ini di Tambak Johor kadang kala memeningkan kepala kita. Walaupun beberapa garisan (line) lagi telah ditambah untuk memudahkan dan mempercepatkan perjalanan di Tambak Johor itu tetapi masih lagi nampak sangat kekurangannya.

Saya mencadangkan supaya ditambah lagi dan kalau boleh kereta-kereta yang datang dari Singapura yang selalunya beratur, bila satu kereta diperiksa oleh pihak Kastam maka kalau ada 10 atau 20 kereta terpaksa menunggu. Saya cadangkan mana-mana kereta yang diperiksa oleh pihak Kastam diasingkan dan dikhaskan di tempat atau dibuat, line

baru dan di situ diadakan pemeriksaan untuk membolehkan kereta yang belakang lalu, kerana tidak semuanya kereta dibuka atau dengan izin 100% check. Hanya kereta-kereta yang disyaki sahaja maka ianya akan dikenakan pemeriksaan 100%. Ini demi kepentingan untuk mengelakkan daripada kesesakan lalulintas di Tambak Johor.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dengan peruntukan \$8 juta ini saya harap ada lagi satu pintu masuk ke negara kita melalui kawasan saya di Pengerang. Di sini memang sudah ada Pejabat Imigeresen dan Pejabat Kastam. Tetapi malangnya Jabatan Kastam yang ada di sana tidak dapat saya hendak banggakan sehingga hari ini kerana dibuat boleh dikatakan ala kadar sahaja sedangkan daerah kecil Pengerang ini ialah jalan masuk secara langsung daripada Changi Singapura ke Semenanjung Malaysia melalui Semenanjung Pengerang. Jadi, saya harap untuk menggambarkan keadaan dan untuk menggambarkan bahawa negara kita ini cekap dan licin, terutama dari segi mendapatkan hasil melalui kastam ini, saya harap Kastam di Tanjung Pengerang ini hendaklah dilengkapkan bukan sahaja dengan pejabatnya yang ada kemudahan telefon dan sebagainya tetapi hendaklah dilengkapkan dengan bot-bot laju, kerana hal ini Tuan Pengerusi, saya percaya sudah ada dalam maklumat Kementerian yang berkenaan.

Selama ini banyak terdapat orang ramai melarikan cukai melalui Changi, Singapura dibawa masuk ke Pengerang dan tidak melalui pemeriksaan Kastam yang ada di satu tempat namanya Tanjung Penggeling kerana mereka masuk dengan menggunakan botnya sendiri, bila air pasang perahu ataupun bot tadi terus sampai ke tangga sebab banyak kedai taukeh-taukeh di sana membuat rumah di tepi laut. Bila air pasang dengan senang bot itu terus pergi ke tangga rumah-rumah itu dan tidak payah melalui pemeriksaan Kastam di sana. Hal ini bila saya menyiasat, saya tanya dengan Pegawai-pegawai Kastam di sana, katanya kita tidak ada kelengkapan untuk mengejar mereka dan meniaga mereka. Jadi dengan maklumat yang saya beri di dalam Dewan yang mulia ini, saya harap pihak Kementerian akan mengambil tindakan supaya mulai tahun depan dibekalkan dengan

bot-bot laju dan kalau perlu ditambah dengan pegawai-pegawai atau adakan Task Force di daerah kecil Pengerang untuk mengawal barang-barang keluar masuk di sana.

Tuan Pengerusi, dengan itu saya menyokong peruntukan yang dipohon.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

3.42 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Pengerusi, saya akan bercakap dalam B.33 Program (1) Program Pentadbiran Am, (b) Perkhidmatan Kawalan.

Saya suka hendak menyebutkan tentang Anggaran Belanjawan kita adalah sebenarnya berdasarkan sistem Belanjawan Program dan Prestasi yang lebih menekankan kepada bentuk program dan juga aktiviti yang menjayakan sesuatu projek atau matlamat Kerajaan itu. Oleh itu dengan adanya kawalan yang ketat oleh pihak Perbendaharaan kepada agensi-agensi Kerajaan, Kementerian dan Badan-badan berkanun terhadap butir-butir perbelanjaan yang telah ditentukan itu tanpa melihat kepada program dan juga prestasi serta kejayaan sesuatu projek itu telah menimbulkan kesulitan dan menyusahkan pihak-pihak agensi Kerajaan lain bagi melaksanakan tanggungjawab dan tugasnya. Ini bukanlah bermakna saya tidak setuju terhadap kawalan pengurusan kewangan yang boleh mengelakkan daripada salahguna kewangan negara, tetapi apa yang saya tekankan ialah jangan terlampau rigid butir-butir yang ditetapkan yang akan mengakibatkan kelambatan projek dan kemungkinan boleh menggagalkan projek akibat daripada menunggu kelulusan Perbendaharaan untuk mendapatkan perubahan butiran perbelanjaan.

Misalnya, dalam satu projek jalanraya, katakan, \$100 juta bagi membina 100 batu jalan. Dalam butirannya berkehendak 30 buah bulldozer misalnya, tetapi di dalam perlaksanaan itu berdasarkan program dan prestasi dan aktiviti yang dijalankan itu kita hanya berkehendak 20 buah bulldozer sahaja tetapi kita berkehendakkan alat-alat lain, misalnya, dredger ataupun alat-alat yang boleh menolong dalam pembangunan walaupun tidak masuk dalam butir-butir perbelanjaan itu. Dengan pembelian alat tambahan ini

tidak akan terkeluar daripada Belanjawan yang telah diluluskan cuma butiran telah berubah dan perubahan butiran itu hendaklah disejajarkan kepada pelaksanaan projek seperti itu. Oleh itu, kelonggaran dalam kes-kes seperti ini adalah perlu bagi menjayakan Belanjawan yang berdasarkan program dan prestasi yang dibentangkan di Dewan Rakyat ini.

Banyak lagi contoh-contoh dan perubahan butiran perbelanjaan yang boleh menguntungkan lagi sesuatu projek itu. Biar Belanjawan kita merupakan satu "analyst budget" dan bukan merupakan satu "examine budget" yang mesti mematuhi sesuatu perkara itu dengan rigid. Kelonggaran butir-butir ini akan memudahkan agensi Kerajaan dan juga badan-badan berkanun menjalankan tugasnya dan tanggungjawab yang penting bagi mencapai matlamat melalui program yang dirancang barulah memenuhi Belanjawan yang berdasarkan program dan prestasi, kerana bagi menjayakan projek dan matlamat sesuatu projek itu adalah kita berkehendak dalam kos yang paling minima walaupun tidak mengikuti butiran-butiran yang dikehendaki.

Saya suka bercakap dalam Program (3) Program Perkhidmatan dan Kawalan Kewangan. Saya hendak menyebut tentang central contract. Ini telah beberapa kali saya sebut bahawa sepatutnya pihak Perbendaharaan hendak membuat central contract ini ialah kepada barang-barang yang besar sahaja yang mungkin boleh dibeli oleh pihak Perbendaharaan dengan harga yang lebih murah, tetapi kalau barang-barang yang kecil, alat-alatan stationery ataupun benda-benda yang kecil-kecil kadang-kadang tidak beli dengan central contract ini adalah lebih murah dan barangnya lebih bermutu kerana selalunya di dalam central contract itu kadang-kadang pihak kontrak hendak menghabiskan barang-barang lama, dihantar ke pejabat walaupun pejabat tidak hendak menggunakannya. Jadi perkara ini haruslah dikaji semula supaya central contract ini ditujukan kepada barang-barang yang besar, barang-barang yang lebih menguntungkan. Kalau barang itu mungkin boleh beli runcit lebih murah maka saya rasa lebih senang diberi kepada jabatan-jabatan berkenaan sahaja membeli alat-alat yang kecil ini kerana ini lebih senang dan tidak menyusah dan kemungkinan harganya lebih murah dengan

kualiti yang lebih baik daripada yang diadakan oleh central contract yang dimonopoli seperti ini.

Dalam program yang sama (d) Pinjaman Perumahan. Saya dapati sekarang ini apabila sistem baru pinjaman ini diumumkan didapati backlognya ataupun permohonan bertimbun sampai ke pihak pinjaman perumahan tetapi pinjaman perumahan tidak dapat luluskan dengan segera kerana tidak ada satu program ataupun perancangan untuk menambah kakitangan apabila sesuatu polisi pinjaman perumahan baru itu diumumkan. Misalnya, pinjaman di dalam skim baru yang diumumkan itu tentulah akan menggalakkan pinjaman-pinjaman oleh pihak kakitangan dan ada juga tambahan permohonan dan didapati permohonan ini telah bertambah tetapi kakitangannya tidak bertambah menyebabkan permohonannya lambat diluluskan sehingga memakan masa berbulan-bulan mungkin hampir setahun lebihpun ada menunggu untuk mendapatkan pinjaman ini. Oleh itu, saya harap sepatutnya perkara ini diadakan perancangan untuk menambahkan kakitangan sebelum sesuatu sistem pinjaman atau satu perkara diumumkan supaya dapat kita menyelaraskan dengan tindakan dan kehendak rakyat daripada sistem yang baru diumumkan itu.

Akhir sekali, saya akan bercakap Program (2) Program Pengurusan dan Analisa Kewangan. Sekarang kita dapati kita kekurangan kakitangan mahir dalam pengurusan kewangan. Ada yang baik ataupun yang mahir di dalam pengurusan ini selalunya dirampas oleh pihak swasta. Jadi dalam pengurusan kewangan negara kita hanya mengharapkan latihan yang diadakan di Intan. Tetapi di Intan ini saya rasa kelulusan ini sebagai sambilan sahaja dan di Intan banyak kursus-kursus lain seperti kursus pentadbiran, pentadbiran tanah, kadet PTD dan juga lain-lain pentadbiran. Cuma kewangan sebagai sambilan. Kalau ada kelulusanpun kelulusan Universiti Malaya yang mendapat diploma dalam akauntan walaupun tidak diakui oleh pihak swasta tetapi ini menguntungkan Kerajaan. Apa yang penting di sini ialah saya mencadangkan supaya pihak Kementerian ini menubuhkan suatu insititusi ataupun pusat latihan pengurusan kewangan negara yang lebih khusus kepada kewangan dan kemahiran dalam bidang kewangan ini perlu supaya kita

mempunyai pegawai yang cukup di dalam mengurus kewangan dan juga mengurus perbelanjaan negara dengan cara-cara yang betul yang dikehendaki. Walaupun kadangkadangkang pihak swasta tidak mengakui tentang pusat-pusat latihan kita itu tetapi apa yang penting bagi Kerajaan ialah Kerajaan mempunyai kakitangan yang cukup cekap dan kebolehan untuk mengurus kewangan dengan sewajarnya supaya tidak menimbulkan perkara-perkara penyalahgunaan dalam pengurusan kewangan. Dengan ini saya menyokong peruntukan kewangan di bawah Maksud B. 33—Perbendaharaan yang dibentangkan di Dewan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan lepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.52 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Pengerusi, saya suka merujuk kepada Maksud B. 37—Jabatan Hasil Dalam Negeri, muka surat 342. Program (3) Pungutan Cukai-cukai. Bersabit dengan perkara ini saya ingin membangkitkan Cukai Pembangunan sebanyak 5% yang perlu dibayar oleh penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya berkata bahawa lebih banyak pelepasan Cukai Pembangunan patut diberi kepada penjaja-penjaja dan beliau mencadangkan supaya dinaikkan pengecualian Cukai Pembangunan daripada \$3,000 kepada \$5,000 untuk orang perseorangan dan rakan perkongsian dalam satu syarikat perkongsian. Dalam perbincangan Belanjawan baharu-baharu ini saya telah menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada kesusahan yang dialami oleh penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil oleh kerana mereka dikehendaki membayar Cukai Pembangunan sebanyak 5% meskipun mereka telah diberikan penambahan pelepasan Cukai Pendapatan yang tinggi. Saya suka membuat cadangan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan jika beliau benar-benar hendak bersimpati dengan golongan penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil maka pihak Kementerian Kewangan patut menghapuskan Cukai Pembangunan 5% ke atas peniaga-peniaga yang kecil. Jika cadangan ini tidak boleh diterima, maka saya mengesyorkan

bahawa sekurang-kurangnya Kerajaan hendaklah menaikkan had pengecualian Cukai Pembangunan daripada \$3,000 kepada \$6,000 dan bukan \$5,000. Saya mencadangkan had pengecualian Cukai Pembangunan dinaikkan sebanyak \$1,000 lagi menjadikan \$6,000 oleh kerana dengan cara ini seorang peniaga kecil yang memperoleh pendapatan perniagaannya satu bulan sebanyak \$500 atau sebanyak \$6,000 pada satu tahun boleh dikecualikan daripada membayar Cukai Pembangunan.

Tuan Pengerusi, atas perkara Pungutan Cukai yang sama, saya suka merujuk kepada cukai import ke atas bijian soya (soya beans) untuk makanan ternakan. Saya suka menggesa Kerajaan supaya menghapuskan duti import 15% ke atas bijian soya dan Cukai Tambahan (surtax) ke atas 11 jenis bahan mentah pertanian untuk diproses menjadi makanan ternakan. Gesaan ini dirasakan adalah perlu kerana inilah cara untuk membanding kenaikan harga makanan untuk ternakan di samping memberi faedah kepada para pengguna. Sebelum duti import dan Cukai Tambahan dikenakan ke atas bijian soya dan 11 bahan makanan ternakan, harga binatang, jenis ternakan dan barang-barang makannya adalah stabil akan tetapi mulai 3hb Julai 1980 apabila kedua-dua duti itu dikenakan harga import barang-barang ini terus melambung naik dan tidak lagi stabil. Jumlah bijian soya yang diimport pada setahun ialah 11,000 tan dan kenaikan harga import adalah ditanggung dan dibebankan di bahu penternak-penternak dan pengguna-pengguna.

Sukalah saya memberitahu bahawa di lain-lain negara ASEAN cukai seumpama ini tidak dikenakan ke atas barang-barang tersebut dengan tujuan untuk mencegah kenaikan harga binatang ternakan dan makanan-makanannya seperti babi, ayam dan telur. Pengenaan cukai sekarang berkuatkuasa di Malaysia mengakibatkan rakyat Malaysia membayar harga barang-barang makanan yang tinggi. Jumlah penjualan ternakan ayam dan telur ayam di Malaysia adalah \$900 juta dalam satu tahun dan jika dikenakan cukai maka jumlah ini akan mencapai angka \$1 billion juta. Ini bermakna pengguna-pengguna di Malaysia terpaksa menanggung kenaikan harga itu.

Makanan ternakan adalah perbelanjaan utama dalam perusahaan ternakan dan sejak lebih daripada 10 tahun lalu harga barang-barang ini telah meningkat naik sebanyak 120%. Akibat dari ini seramai 100,000 rakyat di Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam industri penternakan telah hilang kepercayaan dan bimbang tentang masa depan mereka. Oleh itu, saya suka menggesa Kerajaan bertindak menghapuskannya dari import dan cukai tambahan (surtax) sebagai usaha memerangi inflasi dan menolong para pengguna di samping membantu penternak dan industri mereka pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya suka merujuk kepada Maksud B.33 mengenai Perbendaharaan, muka surat 314, Program (3) (d) Pinjaman Perumahan. Tuan Pengerusi, mengenai perkara pinjaman perumahan yang ditadbirkan oleh pihak Perbendaharaan, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu skim perumahan yang dipunyai oleh Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. yang terletak di bawah penyeliaan Bahagian Pinjaman Perbendaharaan Malaysia. Skim perumahan yang saya maksudkan ialah di Ladang Seaport. Oleh kerana Skim Perumahan Ladang Seaport ini ditadbirkan oleh Syarikat Kemajuan Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. saya telah menerima banyak pengaduan daripada pembeli-pembeli rumah yang semuanya adalah daripada kakitangan Kerajaan bahawa terdapat banyak permohonan yang outstanding sejak tahun 1972 yang belum diperuntukkan rumah meskipun mereka telah berjaya dalam permohonan mereka. Dan juga terdapat suatu kes tertentu yang mana seorang pemohon yang berjaya mendapatkan sebuah rumah terrace tiga bilik dalam tahun 1972 masih gagal untuk menduduki rumah yang dipohon sehingga sekarang meskipun beliau telah menunggu begitu lama. Saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menggunakan jasa baiknya untuk menyasiat perkara ini dan dapat menyegerakan peruntukan rumah-rumah oleh syarikat itu dan semua kakitangan Kerajaan yang layak mendapat rumah boleh diberikan rumah-rumah itu.

Tuan Pengerusi, atas perkara pinjaman perumahan, suka saya menyentuh sedikit mengenai Kumpulanwang Simpanan Pekerja (EPF). Mengenai EPF Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Belanjawannya telah berkata bahawa beliau telah meminta pihak Lembaga Kumpulanwang Simpanan Pekerja melaksanakan satu kajian bagi memperkenalkan satu skim baharu di mana pencarum terutamanya mereka dalam golongan pendapatan rendah akan berupaya menggunakan sebahagian simpanan mereka dalam KWSP untuk membeli rumah. Memandangkan ini saya suka mencadangkan bahawa satu skim hendaklah dirangka oleh EPF (KWSP) di mana sebanyak 50% wang simpanan KWSP boleh dibenarkan untuk digunakan bagi membeli rumah apabila pencarum telah mencapai umur 40 tahun. Untuk mereka yang telah mencapai umur 35 tahun mereka hendaklah juga dibenarkan mengeluarkan 25% simpanan KWSP mereka untuk tujuan yang sama.

Saya ingin juga mengambil peluang ini menyeru pihak Kerajaan dan Lembaga KWSP supaya membuat satu kajian yang menyeluruh dan menaksir nilai simpanan pencarum tatkala caruman itu mula dibuat dan tatkala caruman itu dikeluarkan.

Tuan Pengerusi: Masa cukup. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.01 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan peruntukan Kementerian Kewangan. Saya tidaklah bertujuan menyentuh kesemua perkara-perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan di atas peruntukan untuk Kementerian Kewangan.

Bagi memulakan penjelasan atau jawapan saya sukalah saya menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar mengenai perlunya dicetak bersama dengan wajah Duli Yang Maha Mulia Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman ibni Tuanku Muhammad, iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kita yang pertama di atas wang Ringgit Kertas Malaysia dicetak

bersama dengan nama Duli Yang Maha Mulia tersebut. Sukalah saya menyatakan bahawa sebenarnya Ahli Yang Berhormat itu telah membawakan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini dalam bentuk soalan dan memandangkan bahawa minat Ahli Yang Berhormat itu terhadap soal ini amatlah tinggi dan saya sendiri bersetuju dengan alasan-alasan yang telah diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu, sukalah saya menyatakan bahawa pihak Bank Negara sedang pun di dalam memproses untuk menyemak design wang Ringgit Malaysia dan juga sedang menyediakan garis panduan tentang design wang Ringgit ini dan bolehlah perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar itu dirujuk kepada pihak Bank Negara.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Selain daripada, itu Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah menimbulkan masalah tentang kelengkapan yang lebih moden terutamanya motokar-motokar dan bot-bot yang digunakan oleh Jabatan Kastam mestilah yang lebih laju daripada bot-bot dan motokar-motokar yang digunakan oleh kumpulan-kumpulan penyeludup. Memanglah menjadi hasrat Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam untuk membekalkan kelengkapan yang paling moden sesuai dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan Kastam untuk mencegah penyeludupan yang berlaku dari semasa ke semasa.

Berhubung dengan soal perbezaan gaji yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kangar di antara Pegawai Kastam di darat dan di laut, sebenarnya mereka ini adalah dilantik di bawah skim gaji C-11 dan boleh ditukar untuk bertugas sama ada di darat ataupun boleh bertugas di laut dan soal perbezaan gaji di antara kedudukan mereka sama ada di laut ataupun di darat tidaklah timbul. Apabila membuat rondaan di darat dengan kenderaan Jabatan, kenderaan tersebut dipandu oleh pemandu yang dilantik di bawah skim gaji pemandu D-67 dan apabila membuat rondaan di laut bot-bot Jabatan adalah dipandu oleh kelasi yang dilantik di bawah skim gaji kelasi D-28. Ini sebenarnya perbezaan bukanlah di antara Pegawai-pegawai Kastam Laut dan darat tetapi sebenarnya perbezaan di antara kelasi

dan juga pemandu motokar yang bertugas di Jabatan Kastam untuk mencegah penyeludupan.

Selain daripada itu sukalah saya menyatakan bahawa cadangan Ahli Yang Berhormat dari Kangar supaya dilakukan potongan bulanan daripada gaji seseorang pegawai Kerajaan untuk membolehkan pegawai itu membayar cukai pendapatannya memanglah sedang dilakukan secara sukarela dan setiap pembayar cukai sama ada ia bekerja dengan Jabatan Kerajaan ataupun bekerja dengan pihak swasta boleh berunding membuat permohonan dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri untuk membuat potongan setiap bulan kepada gajinya supaya tidaklah terbeban sangat pada akhir tahun ataupun pada awal tahun hadapan untuk membayar cukai pendapatan yang telah dikenakan itu.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu sukalah saya menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh yang telah menarik perhatian Dewan ini kepada kedudukan penting sektor pembinaan di dalam perkembangan ekonomi negara kita pada keseluruhannya. Ahli Yang Berhormat itu telah juga menekankan betapa penting pinjaman-pinjaman daripada bank-bank perdagangan haruslah diberikan kepada sektor-sektor ini supaya sektor ini akan dapat memainkan peranan yang penting di dalam perkembangan ekonomi negara kita.

Dalam hubungan ini Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah menyatakan bahawa terdapat satu keadaan pembekuan terhadap pinjaman (credit squeeze). Sukalah saya menyatakan bahawa keadaan yang dipanggil sebagai, credit squeeze' itu telah disebabkan oleh dua perkara; Pertama, bank-bank perdagangan telahpun melebihi kadar pinjaman mereka, iaitu pada masa ini hampir 90% daripada wang simpanan mereka telah dikeluarkan untuk pinjaman. Kedua, terdapat juga keadaan di mana kemudahan kewangan dan pinjaman yang diberikan kepada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan berada di dalam keadaan tidak berguna. Umpamanya, dari segi commitment daripada bank-bank perdagangan terhadap pinjaman-pinjaman hanya 60% daripada commitment ini telahpun digunakan oleh pihak yang meminjam dan ini menyebabkan bahawa keadaan di mana terdapat had kemudahan overdraft dan pinjaman yang lain yang tidak

digunakan sepenuhnya oleh pihak yang meminjam, lebih-lebih lagi berikutan dengan keadaan kita berada di hujung tahun. Bank-bank sekarang adalah dikehendaki untuk mengikut garis panduan di dalam pinjaman-pinjaman mereka dan dalam keadaan itu bank-bank ini terpaksa mengeluarkan pinjaman-pinjaman mengikut garis-garis panduan yang telah ditetapkan dan bank-bank ini adalah dikehendaki untuk mematuhi kepada garis panduan ini pada hujung tahun ini dan pada masa ini bank-bank ini terpaksa bergiat seberapa cergas untuk memenuhi garis-garis panduan yang telah ditetapkan itu.

Suka saya menyatakan bahawa di dalam soal pinjaman-pinjaman bank kepada pihak-pihak perseorangan dalam keadaan yang telah saya sebutkan itu bank-bank sekarang terpaksa menjadi lebih discriminating, lebih memilih, dan terpaksa memastikan bahawa hanya pembeli rumah yang sejati sahaja atau yang sebenarnya sahaja yang boleh mendapatkan kemudahan pinjaman bank untuk membeli rumah-rumah kediaman.

Di samping itu juga bank-bank perdagangan sedang menjalankan satu dasar di mana seseorang itu hanya dibenarkan meminjam untuk membeli sebuah rumah sahaja. Dalam keadaan ini priority tentulah diberikan kepada mereka yang tidak lagi mempunyai rumah untuk mengambil pinjaman bank bagi membeli rumah untuk kediaman dan tidak ada sebarang pembekuan di atas pinjaman-pinjaman kepada mereka yang benar-benar hendak membeli rumah untuk kegunaan sendiri. Tambahan pula priority juga diberikan kepada peminjam-peminjam perumahan untuk membeli rumah-rumah harga murah. Dalam keadaan ini saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat tentu bersetuju bahawa haruslah pinjaman perumahan ini diberi secara discriminatory dan diberi mengikut priority yang telah saya sebutkan itu iaitu kepada mereka yang belum mempunyai rumah dan juga kepada mereka yang memerlukan rumah harga rendah.

Dari segi pinjaman kepada sektor pembinaan, sektor pembinaan ini merupakan sektor yang dianggap penting di dalam ekonomi negara dan akan terus menerima perhatian daripada bank-bank yang besar. Walau bagaimanapun, tentulah dalam keadaan bank-bank terpaksa memenuhi garis-garis panduan yang telah ditetapkan di dalam pengeluaran pinjaman mereka dan oleh kerana pada masa

ini bank-bank perdagangan telahpun mengeluarkan hampir 40% daripada pinjaman mereka kepada sektor pembinaan, jadi pada masa ini bank-bank perdagangan lebih menumpukan perhatian mereka kepada priority sektor yang lain seperti pertanian dan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil supaya pada akhir tahun apabila disiasat oleh Bank Negara Malaysia nanti tidak pula mereka dikenakan penalty di atas keengganan mereka ataupun kegagalan mereka mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

Sukalah saya menjelaskan bahawa skim penalti yang dikenakan oleh Bank Negara Malaysia ini ialah untuk menggunakan bahagian yang tidak dapat dikeluarkan oleh sesebuah bank itu untuk memenuhi garis panduan Bank Negara Malaysia mengambil bahagian itu dengan kadar faedah yang dianggap sebagai penalti iaitu lebih rendah daripada kadar faedah utama pada masa ini iaitu pada kadar faedah $5\frac{1}{2}\%$ dan bahagian kewangan itu akan disalurkan kepada bank-bank yang boleh mengeluarkan pinjaman kepada sektor-sektor yang dianggap sebagai sektor priority. Oleh itu, dalam keadaan ini tentunya berlaku di mana bank-bank perdagangan pada keseluruhannya sedang menyesuaikan dasar pinjaman mereka untuk memenuhi kehendak-kehendak yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan Bank Negara Malaysia.

Berikutan dengan itu, sukalah saya juga menyatakan bahawa syarikat-syarikat kewangan juga dikenakan syarat-syarat dan kuotanya untuk pinjaman-pinjaman dan di dalam pinjaman kepada sektor pembinaan mereka telah ditetapkan kuota sebanyak 20% daripada jumlah simpanan mereka.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah juga menyatakan bahawa bank-bank asing tidak memandang berat kepada dasar Kerajaan untuk menggalakkan pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil terutamanya peniaga-peniaga bumiputra.

Pertamanya, sukalah saya menyatakan bahawa sebagai syarat bank-bank perdagangan termasuklah bank-bank perdagangan asing dikehendaki mengeluarkan pinjaman sebanyak 16% daripada simpanan mereka kepada peniaga-peniaga kecil dan sekiranya bank-bank tersebut tidak dapat mematuhi

ataupun gagal untuk memenuhi syarat ini mereka juga akan dikenakan penalti yang telah saya sebutkan itu apabila Bank Negara Malaysia menyemak semula keadaan bank-bank pada hujung tahun ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh juga telah menimbulkan perkara berhubung dengan keengganan bank-bank asing untuk mengambil pegawai-pegawai eksekutif mereka daripada orang-orang Melayu dan kaum bumiputra dan Ahli Yang Bernormat itu telah menyebutkan sebagai satu taktik bank-bank asing sendiri di dalam mana mereka telah menghantarkan pegawai-pegawai eksekutif bumiputra untuk mengikut rancangan-rancangan latihan di seberang laut dengan tujuan untuk mengasingkan ataupun menjauhkan pegawai-pegawai Melayu ini daripada mengambil bahagian dalam soal-soal dasar yang akan ditetapkan oleh bank itu semasa mereka tidak ada dalam negara ini.

Sukalah saya menyatakan bahawa tentu sekali dalam hasrat kita untuk hendak mendapatkan pegawai-pegawai bank Melayu dan bumiputra yang terlatih, terpaksa kita juga menyediakan kemudahan latihan yang secukup-cukupnya kepada pegawai-pegawai bumiputra dan orang Melayu yang terlibat di dalam pengurusan bank perniagaan dan tidaklah boleh kita menyatakan bahawa untuk memudahkan pertambahan peningkatan kepakaran di kalangan pegawai-pegawai bank. Jadi kita meminta supaya pegawai-pegawai bumiputra dan pegawai-pegawai Melayu di dalam bank-bank ini tidak diberikan latihan. Saya percaya kalaulah kita melakukan itu tentu sekali soal kepakaran ini tidak akan dapat diwujudkan di kalangan pegawai-pegawai Melayu dan bumiputra di dalam sektor bank khususnya.

Berhubung dengan pengaduan yang telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh berhubung dengan salah satu pegawai di Chartered Bank, saya difahamkan bahawa perkara ini telahpun dibawa kepada Mahkamah Perusahaan (Industrial Court) dan kalau tidak silap saya kes ini akan didengar pada 8hb Februari tahun depan.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu Ahli Yang Berhormat dari Panti telah juga menimbulkan masalah-masalah berhubung dengan kastam iaitu kesesakan yang telah berlaku di Pelabuhan Kelang dan juga keadaan pejabat di Tambak Johor dan juga

di Penggerang. Saya tidak ada apa-apa untuk disebutkan melainkan bahawa perkara-perkara ini memanglah di dalam pertimbangan Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja dari masa ke semasa mengikut keadaan yang telah berlaku.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih telah menimbulkan keadaan yang dikatakan monopoli berikutan dengan kontrek yang dibuat secara berpusat iaitu hanya semua keputusan-keputusan kontrek dan bekalan diputuskan secara pusat di Kuala Lumpur dan tidak dibuat di jabatan-jabatan yang berkenaan. Sukalah saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa sebenarnya Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan Kerajaan telahpun diberi tanggungjawab untuk mengendalikannya sebahagian daripada kontrek-kontrek dan bekalan yang diperlukan oleh jabatan berkenaan dan sehinggakan di peringkat Kementerian pun kerja-kerja ataupun kontrek-kontrek dan tender-tender yang kurang daripada \$5 juta diputuskan oleh Lembaga Tender di Kementerian tersebut, hanyalah perkara-perkara yang besar sahaja yang diputuskan di Kementerian Kewangan. Oleh itu hasrat Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih itu sebenarnya telahpun dipenuhi di dalam cara kerja Kementerian Kewangan pada masa ini.

Soal pinjaman perumahan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Putih itu, sukalah saya menyatakan bahawa memang benar telah berlaku keadaan di mana permohonan-permohonan pinjaman perumahan telah bertambah berganda-ganda berikutan dengan kelulusan dan syarat-syarat yang baru bagi pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan pada bulan Julai tahun ini. Dan kesesakan ini tentulah tidak dijangka pada masa itu oleh kerana syarat-syarat pinjaman perumahan telah diubahsuai untuk membolehkan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan meminjam dengan lebih untuk membeli sesebuah rumah. Walau bagaimanapun Kementerian Kewangan telah mengambil tindakan untuk membawa pekerja-pekerja sambilan untuk mengatasi backlog yang sedang berlaku, tetapi dalam soal pinjaman itu sampai dilewatkan selama 6 bulan, mungkin perkara ini berlaku oleh kerana keadaan-keadaan yang tertentu, umpamanya, pihak pemohon tidak memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki. Perkara ini berlaku, tetapi kalaulah Ahli Yang Berhormat

memikirkan bahawa pihak pemohon telah mematuhi segala syarat dan pihak Perbendaharaan telah melengah-lengahkan perkara itu, saya sedia untuk mengambil tindakan sekiranya diberikan maklumat yang diperlukan, tetapi setahu saya dan memanglah menjadi hasrat Kementerian Kewangan supaya segala urusan yang dijalankan oleh Kementerian Kewangan ini dijalankan dengan cekap dan efficient dan oleh itu saya tidaklah keberatan untuk membantu pihak yang terlibat dalam soal permohonan yang telah dilambat-lambatkan itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan soal cukai pembangunan sebanyak 5% yang mana Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah merayu dan mengutarakan pendapatnya supaya kalau boleh dihapuskan sahaja cukai pembangunan ini kepada peniaga-peniaga kecil atau kalau tidak dinaikkan lagi pelepasan \$1,000. Jadi ini memanglah, kalau saya pun duduk di sana agaknya kalau Kerajaan meluluskan setakat \$5,000 saya bukan meminta pelepasan \$6,000 tetapi saya minta dinaikkan \$7,000. Ini keadaan memang selalu berlaku tetapi saya ingatkan kita bersabarlah dalam soal ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menimbulkan masalah berhubung dengan pinjaman perumahan di mana rancangan Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan (SPPK) di Ladang Seaport minta di-siasat supaya masalah yang berlaku sekarang ini dapat diatasi. Sukalah saya menyatakan bahawa saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar yang menunjukkan satu sikap yang positif dalam soal pentadbiran program-program Kerajaan dan perkara ini bolehlah disalurkan kepada saya untuk tindakan selanjutnya.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya tidaklah ada apa-apa lagi untuk menyatakan, untuk menjawab dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di atas peruntukan bagi Kementerian Kewangan dan sekiranya ada perkara-perkara yang telah tidak dijawab oleh saya secara langsung, ini bermakna bahawa perkara-perkara itu adalah berada dalam pertimbangan dan perhatian saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$51,609,200 untuk Maksud B. 33; \$822,777,200 untuk Maksud B. 34; \$2,080,000 untuk Maksud B. 35; \$83,407,000 untuk Maksud B. 36; \$64,543,900 untuk Maksud B. 37 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$51,609,200 untuk Maksud B. 33; \$822,777,200 untuk Maksud B. 34; \$2,080,000 untuk Maksud B. 35; \$83,407,000 untuk Maksud B. 36; \$64,543,900 untuk Maksud B. 37 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$458,500,050 yang disebutkan dalam Maksud P. 33; \$31,053,482 untuk Maksud P. 36; \$800,000,000 untuk Maksud P. 66 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$458,500,050 untuk Maksud P. 33; \$31,053,482 untuk Maksud P. 36; \$800,000,000 untuk Maksud P. 66 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B. 38 (Jadual)—

Maksud P. 38 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Maksud Bekalan B. 38 sebanyak \$167,269,100 dan Maksud Pembangunan P. 38 sebanyak \$315,676,110 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas. Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.26 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, dalam menyokong permohonan Kementerian Perusahaan Awam ini, saya ingin menyentuh mula-mula sekali mengenai B. 38, muka surat 357, Butiran 1100, Aktiviti (2) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Di dalam hal ini, saya ingin menegaskan bahawa pihak Kementerian melalui Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan ini dasar yang telah dibuat oleh Kementerian ini sejak tahun lepas mengenai permit teksi yang dibawa sendiri oleh tuan punya hendaklah diteruskan, ertinya saya minta supaya dasar ini jangan ditukar, jangan dibolehkan lagi orang-orang yang tidak akan memandu sendiri teksi mereka dibenarkan mendapat lesen teksi. Oleh yang demikian, apabila kita menghadapi dalam masalah syarikat atau badan koperasi yang memohon lesen teksi secara berkelompok, saya ingin menganjurkan supaya mereka itu walaupun dasar tersebut diteruskan, kumpulan ini hendaklah diberi pertimbangan yang sama dengan syarat koperasi itu atau syarikat yang berkenaan hendaklah menentukan: siapakah orang yang akan menjadi pemandu tetap, siapakah yang akan menjadi pemandu gantian sekiranya pemandu tetap itu keuzuran dan sebagainya, sekiranya permit teksi itu diberikan. Dengan lain perkataan walaupun koperasi itu diberi teksi secara berkelompok tetapi nama-nama pemandu dan nama-nama pemandu gantian hendaklah juga diminta supaya nama-nama pemandu ini hendaklah ditulis di atas body teksi-teksi tersebut selain ianya kalaupun dimungkinkan diberikan milik kepada koperasi yang berkenaan. Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, kalau boleh amalan ini, yakni amalan pemberian kepada koperasi-koperasi secara berkelompok ini hendaklah diminimalkan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud P. 38, mukasurat 359, Butiran 1 yakni Pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri. Pada tahun ini Kementerian Perusahaan Awam meminta sebanyak \$40 juta untuk dijadikan pinjaman kepada Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri. Saya hanya mempunyai satu peringatan di sini iaitu di dalam pihak Kementerian meminiatkan wang kepada pihak PKEN-PKEN atau SEDC-SEDC berkenaan maka pemberian wang ini hendaklah benar-benar diawasi kerana kita dapati pada masa-masa yang lepas, walaupun setelah diawasi sama ada oleh pihak Kementerian mahupun oleh pihak Kementerian Kewangan (Treasury), tetapi tidak kurang juga hasil daripada itu kegagalan demi kegagalan telah menimpa projek-projek yang diluluskan di bawah pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri.

Misalnya projek ataupun syarikat memotong berlian di Kelantan terpaksa ditutup pada tahun ini oleh sebab-sebab yang tertentu. Sepertimana yang kita maklum bahawa syarikat ini adalah semata-mata mengambil upah memotong berlian pada syarikat induknya di luar negeri dan segala-galanya ini telah dikawal oleh syarikat induknya. Apabila syarikat induknya itu tidak mahu lagi mengupah katanya oleh sebab-sebab pasaran berlian pada hari ini tidak begitu memuaskan, maka tertutuplah syarikat itu.

Tuan Pengerusi, pada satu masa dahulu juga sejarah di Kelantan mengenai syarikat kasut, walaupun syarikat kasut yang kurang lebih sama dengan syarikat yang wujud di Melaka, dan syarikat kasut di Melaka ini telah diketahui tidak sihat perjalanannya, tetapi diluluskan juga oleh pihak-pihak yang berkenaan, mungkin oleh sebab-sebab yang tertentu. Maka di dalam hal ini saya ingin mencadangkan supaya di dalam menentukan pinjaman kepada SEDC-SEDC ini beberapa perkara hendaklah diperhatikan.

Perkara yang pertama, masalah pengurusan sama ada pengurusan wujud di peringkat negeri, adakah pengurusan di peringkat negeri mampu untuk mengurus perjalanan syarikat-syarikat yang hendak diadakan.

Perkara yang kedua, sekiranya syarikat-syarikat ini adalah merupakan syarikat usahasama, adakah perkongsian yang hendak dijadikan usahasama itu benar-benar syarikat yang wujud dengan lain perkataan ditestkan dahulu credibility, dengan izin, syarikat yang berkenaan.

Perkara yang ketiga, hendaklah juga diperhatikan dari segi viability yang lain sama ada masalah pemasaran, masalah buruh dan sebagainya.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya berhijrah pula kepada P. 38, mukasurat 360, Butiran 5 Lembaga Padi dan Beras Negara. Dalam masalah LPN ini, kita baru sahaja mendengar dan telahpun dapat melihat kesan dan akibat daripada pemberian subsidi tambahan kepada penanam-penanam padi atau mereka yang menjual padi kepada LPN daripada \$2 kepada \$10 pada setiap pikul. Kita patut mencatatkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Lembaga Padi dan Beras Negara yang telah bersusah payah sehinggakan terpaksa menggunakan radio untuk menentukan bahawa pembahagian

subsidi harga padi tersebut berjalan dengan betul dan kita harap bahawa masalah pemberian tunggakan (arrears) kepada subsidi-subsidi harga padi tersebut telah berjalan dengan betul.

Selain dari itu, Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan supaya pihak-pihak yang hendak menjual padi kepada pihak LPN ini dapat menjual padi dengan betul sama ada mereka itu mempunyai sepikul padi atau 10 pikul padi atau lebih banyak pikul padi lagi, maka biarlah mereka ini berkesempatan untuk menjual padi mereka itu dengan cara membeli-pembeli padi ini dibawa kepada mereka. Kita tidak lagi patut mengadakan dasar menunggu di pintu-pintu kilang untuk membeli padi-padi tersebut kerana tidak mungkin bagi seorang yang hanya mempunyai 4 pikul atau 5 pikul padi untuk membawa padi mereka itu ke pintu kilang LPN kerana banyak penglibatan yang lain yang perlu diatasi, apatah lagi mereka ini selalunya tidak begitu berkecekapan dan berkebiasaan untuk menjual padi dan selalunya mereka ini akan terjatuh menjadi mangsa kepada orang tengah, maka kaedah membawa pembeli-pembeli padi ke kampung-kampung hendaklah dijalankan. Misalnya pada hari ini kita mempunyai syarikat-syarikat kerjasama atau koperasi-koperasi, mungkin koperasi ini tidak mencukupi untuk menjadi agen membeli padi kepada LPN di kampung-kampung. Selain daripada itu juga kita tidak boleh menjamin bahawa koperasi-koperasi atau agen-agen secara tidak langsung oleh LPN ini tidak akan menjadi orang tengah yang kedua setelah orang tengah biasa dapat dielakkan.

Saya mengesyorkan supaya LPN secara terus-menerus membeli padi di kampung-kampung dengan menghantarkan pegawai-pegawai mereka itu sekali-sekala di kampung-kampung di mana dirasai dapat membeli padi daripada pihak-pihak petani. Kalau saya tidak silap, semasa saya kecil dahulu pihak RIDA telah membawa perkhidmatan ini ke kampung-kampung yakni perkhidmatan yang pernah dibawa oleh RIDA pada masa itu ialah kilang-kilang padi ke kampung-kampung. Jadi kalau pada masa dahulu RIDA membawa kilang-kilang padi ke kampung maka apalah salahnya kita membawa kedai-kedai membeli padi ke kampung-kampung supaya setiap padi yang

hendak dijual itu dapat dibeli dan padi yang dibeli itu dapat dikeluarkan kupon kepada mereka yang berkenaan dan yang sepatutnya menerima.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya ingin pula menyentuh Butiran 6—Majlis Amanah Rakyat. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) terutama sekali dengan masalah pinjaman (loan) yang diberikan kepada peniaga-peniaga kecil. Pada tahun ini duka-cita nampaknya tidak ada permintaan daripada pihak MARA di bawah Butiran 6 (iv)—Pinjaman. Walhal pada awal tahun ini pihak Yang Berhormat Menteri atau Kementerian berkenaan telahpun mengumumkan bahawa pinjaman sebanyak \$2,000 oleh peniaga-peniaga kecil boleh dibuat tanpa cagaran. Walau bagaimanapun, mungkin di bawah Butiran-butiran yang lain Majlis Amanah Rakyat ini, perkara ini dapat dijalankan dan saya mengharapkan bahawa apabila pinjaman-pinjaman ataupun permohonan-pemohonan untuk meminjam \$2,000 ke bawah ini telah dimajukan oleh pemohon-pemohon ataupun peniaga-peniaga kecil daripada golongan bumiputra, maka hendaknya ianya disegerakan. Oleh sebab kelulusannya telah diberikan kepada pihak-pihak pegawai-pegawai MARA Daerah, maka hendaknya janglah mengambil masa lebih daripada dua minggu untuk memberi pinjaman tersebut kepada pemohon-pemohon tersebut. Dengan ini saya menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Dungun.

4.40 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Pengerusi, di dalam menyokong peruntukan yang dipohon oleh Kementerian Perusahaan Awam bagi tahun 1981 ini, saya ingin menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (2) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan di muka-surat 357.

Tuan Pengerusi, di dalam usaha Lembaga ini memberi permit-permit lori sama ada A ataupun C sekarang ini kita terdapat beberapa gangguan ataupun halangan yang kecil kepada pengusaha-pengusaha pengangkutan. Sebagai misalnya, ada pengusaha-pengusaha hendak memohon pinjaman daripada bank untuk menjalankan perusahaan pengangkutan ini.

Jadi apabila bank memberi kelulusan tetapi kadangkala ada beberapa kejadian kelambatan kelulusan daripada pihak Lembaga untuk mendapat permit inipun boleh mengganggu usaha usahawan-usahawan itu.

Oleh itu saya mengharapkan di dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak Lembaga ini dapat membuat penyelarasan dengan mana-mana institusi kewangan yang sudahpun memberi kelulusan kepada usahawan-usahawan yang memohon untuk menjalankan perusahaan pengangkutan ini supaya diselaraskan dan dipercepatkan kelulusan lesen tersebut.

Dalam aktiviti yang sama, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai teksi. Dalam hal teksi ini, Tuan Pengerusi, sekarang ini banyak lesen-lesen yang diberi kepada pengusaha-pengusaha kecil ini sebagaimana yang disebut oleh Wakil dari Tanah Merah tadi. Tetapi satu hal yang menjadi halangan juga di masa-masa yang akhir ini ialah mengenai teksi-teksi yang sudah berumur lebih daripada 10 tahun. Kereta-kereta yang hendak dijadikan teksi yang umurnya lebih daripada 10 tahun tidak dibenarkan ataupun kalau diberikan kebenaran pun 3 bulan kemudian ditest lagi, kalau baik dibolehkan.

Jadi hal ini adalah menjadi satu kepayahan dan halangan kepada pengusaha-pengusaha teksi sekarang ini kerana hendak mendapatkan pinjaman untuk membeli sebuah Mercedes yang baru itu satu perkara, satu kesusahan, satu beban dan hendak membeli kereta Mercedes yang murah untuk hendak dijadikan teksi tentulah umurnya lama dan jika umur lama pihak Lembaga Pelesenan tidak memberi kebenaran yang terus menerus. Oleh sebab itu, saya berharap kepada Lembaga ini supaya menimbang semula syarat-syarat pengenaan umur kereta 10 tahun kepada Mercedes; kepada kereta lain itu saya tidak berani memberi jaminan kerana kalau kereta Mercedes walaupun umur 10 tahun rata-rata conditionnya baik. Saya berharap kepada Lembaga ini supaya menimbang atau mengkaji semula tentang syarat umur teksi yang lebih daripada 10 tahun ini.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Butiran 4100, Aktiviti (4) Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Sebagaimana juga yang telah disebutkan oleh kawan saya Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi mengenai pinjaman kepada peruncit-peruncit ataupun pekedai-pekedai kecil yang tanpa cagaran sebanyak \$2,000. Saya tidak hendak sentuh mengenai lambat ataupun cepat tetapi yang saya hendak sentuh mengenai \$2,000 itu berbanding dengan keadaan dan kehendak semasa sekarang ini adalah terlalu kecil. Kalau diberi \$2,000 tanpa cagaran namanya dia telah mendapat bantuan ataupun pinjaman daripada MARA walhal dengan \$2,000 berbanding dengan keadaan sekarang apalah sangat yang dia boleh pusingkan modal itu.

Saya berharap kepada MARA supaya dapat menimbang semula, kalau boleh dapat tambahkan peruntukan \$2,000 itu kepada \$4,000 ataupun \$5,000 tanpa cagaran.

Dengan ini saya menyokong permintaan daripada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tumpat.

4.45 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Pengerusi, saya menyentuh Maksud Pembangunan P. 38, Butiran 6 Ma'lis Amanah Rakyat, pecahan (i) Pelajaran, (a) Biasiswa dan (d) Institut Kemahiran, dan (iv) Pinjaman, di mukasurat 360.

Kita tahu MARA telah memainkan peranan yang begitu penting terhadap kemajuan ekonomi negara. Di samping memajukan ekonomi negara ia juga memainkan peranan yang begitu besar untuk meninggi dan memperbaiki lagi pelajar-pelajar Melayu dan dalam bidang pelajaran tinggi sama ada di dalam negeri mahupun di luar negeri.

Kemajuan yang dicapai oleh MARA di dalam bidang pelajaran tinggi adalah satu kejayaan yang paling berharga kepada negara. Hanya dengan pelajaran sahajalah saya rasa kita boleh mencapai kejayaan yang tinggi dan dengan pelajaran jugalah yang boleh menaikkan imej sesuatu bangsa itu.

Perkara-perkara kecil saya rasa tidak perlu kita bimbangkan, asalkan ada peruntukannya, sila teruskan rancangan-rancangan itu kerana kita tahu hanya dengan pelajaran sahajalah seseorang itu boleh maju di samping dapat

meninggikan kehendak negara dan matlamat 30% dalam Dasar Ekonomi Baru hendaklah dicapai dengan seberapa segera yang boleh sebelum menjelang tahun 1990.

Selain daripada ITM yang menyediakan penuntut-penuntut pra-profesional, MARA juga mengadakan Instituti Kemahiran. ITM menitikberatkan kepada bidang vokasional oleh kerana sekarang ini Kementerian Pelajaran menitik beratkan kepada sekolah vokasional. Saya rasa pengambilan penuntut-penuntut di dalam bidang ini juga perlu dipatgandakan kerana dengan sumbangan ini kita akan menambahkan lagi pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir di dalam berbagai bidang pekerjaan.

Di dalam hal ini saya ingin mengesyorkan supaya Instituti Kemahiran ini diadakan di tiap-tiap negeri dan kalau perlu di tiap-tiap daerah untuk menambahkan bilangan penuntut-penuntut di dalam bidang vokasional. Crash Programme untuk melatih guru-guru vokasional ini hendaklah dirancangan supaya apabila sahaja perancangan ini dilaksanakan maka semua tenaga pekerja khususnya pensyarah-pensyarah dapat kita sediakan.

Saya juga ingin mengesyorkan supaya pengambilan penuntut-penuntut Instituti Perdagangan ITM dapat ditambahkan dan diperbesar. Penuntut-penuntut ini apa yang saya faham telah mencapai kejayaan yang tinggi di dalam matapelajaran yang disediakan. Oleh kerana ia mendapat didikan dan bimbingan yang sempurna daripada pensyarah-pensyarah, maka ramai di antara penuntut-penuntut ITM telah berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negeri. Satu pujian harus diberi di atas usaha yang baik ini.

Selanjutnya saya juga mencadangkan bahawa sementara itu Instituti Kemahiran MARA ditumpukan di bandar-bandar besar dahulu dan selepas itu barulah dirancang untuk dibuka di tiap-tiap negeri diseluruh negara. Saya amat berterima kasih sekiranya pandangan saya ini dapat diambil perhatian yang sewajarnya.

Barangkali kalau hendak ditumpukan kepada perdagangan dan perindustrian sahaja kita akan menghadapi berbagai cabaran, cabaran di dalam menghadapi competition daripada berbagai penjuru, namun sebagaimana yang kita ketahui orang-orang Melayu memang kurang mempunyai

pengalaman sama ada dari segi kewangan mahupun dari segi technical know-how. Apa yang saya nampak iaitu bidang pelajaran hendaklah ditumpukan sepenuhnya supaya dalam masa yang singkat matlamat kita akan tercapai iaitu memperbanyakkan profesional Melayu di dalam berbagai bidang pelajaran tinggi.

Dalam pada itu saya ingin juga merayu supaya pinjaman atau biasiswa kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri mahupun di dalam negeri hendaklah ditambah memandangkan keadaan sara hidup yang tinggi sekarang. Dengan pinjaman atau biasiswa yang mencukupi mereka tidak sangat bergantung kepada kerja-kerja luar untuk menambah perbelanjaannya.

Tuan Pengerusi, dalam soal pelajaran di pusat-pusat pengajian tinggi khususnya di IKM dan ITM, saya rasa penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua hendaklah diberi keutamaan. Kita janganlah membuat perhitungan yang sempit di dalam menimba ilmu pengetahuan yang begini luas di dalam dunia ini. Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua hendaklah lebih dititikberatkan dan jikalau perlu matapelajaran tersebut hendaklah dijadikan satu matapelajaran wajib kepada semua pusat-pusat pengajian tinggi khususnya di Pusat-pusat Pengajian Tinggi MARA.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, sekali lagi saya sokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.52 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Saya suka menyentuh satu perkara sahaja dan di sini saya suka merujuk kepada mukasurat 357 Maksud B. 38, Butiran 1100. Aktiviti (2) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Atas perkara ini, suka saya menya'akan di sini bahawa di dalam sidang yang lepas saya telah banyak menyuarkan tentang masalah-masalah, kehendak-kehendak dan aspirasi-aspirasi pemandu-pemandu ataupun pengusaha-pengusaha teksi dalam bandaraya Kuala Lumpur ini.

Saya berasa gembira dapat melihat bahawa pihak Kementerian, pihak Kerajaan berkenaan telah mula berjalan atau melaksanakan satu dasar dengan tujuan untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha teksi yang tulin untuk meminta permit teksi ataupun dalam bahasa Inggeris (owner operator policy).

Saya suka melafazkan harapan saya di sini bahawa saya harap dasar yang baru ini dapat dilaksanakan dengan pesatnya, dengan sesungguhnya, dengan sepenuhnya. Di sini saya suka memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa mengikut satu kajian yang saya buat dalam bandaraya Kuala Lumpur, saya mendapati terdapat lebih kurang 70% pemandu-pemandu teksi yang masih menyewa permit teksi. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mengambil perhatian tentang hal ini dan tadi saya ada mengatakan bahawa kalau dasar tentang pengeluaran permit teksi kepada pengusaha-pengusaha yang tulin, maka saya harap sekiranya dasar itu dapat dilaksanakan jumlah 70% ini dapat dikurangkan daripada masa yang lepas supaya dapat kita menentukan hanya pengusaha-pengusaha teksi dapat diberi peluang untuk memohon permit memandu teksi.

Di sini suka saya mengadakan satu syor dan saya harap pihak Kementerian sebagai salah satu cara untuk mengatasi masalah yang saya sentuh ini ialah dengan adanya satu banci atau buat satu survey di dalam bandaraya Kuala Lumpur untuk menentukan jumlah pengusaha-pengusaha teksi yang tulin yang belum dikeluarkan dengan permit. Selepas itu saya juga suka mengesyorkan bahawa pihak Kementerian atau pihak Lembaga dapat melaksanakan satu garis panduan sesiapa pengusaha teksi yang telah memandu teksi selama 3 tahun ke atas dan yang mempunyai keluarga yang besar, patut diberi keutamaan untuk mendapat permit teksi.

Satu perkara lain yang saya ingin menca-dangkan di sini ialah berkenaan dengan masalah rayuan. Apabila satu permohonan permit teksi ditolak mengikut undang-undang yang ada sekarang si pemohon diberi peluang untuk membuat rayuan. Tetapi mengikut undang-undang yang ada sekarang si pemohon hanya ada masa sebulan untuk membuat rayuan (appeal). Di sini saya berharap pihak yang berkenaan boleh menimbang supaya tempoh atau masa untuk membuat rayuan

ini dapat dilanjutkan dari sebulan ke dua bulan supaya si pemohon boleh diberi masa yang cukup untuk menyampaikan surat rayuan beliau.

Tuan Pengerusi, atas perkara Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, suka saya menyentuh tentang pengangkutan bas mini (mini bus) yang sekarang dianggap sebagai salah satu alat pengangkutan yang ekonomik dan mudah digunakan oleh pihak orang ramai jika dibandingkan dengan alat pengangkutan lain seperti bas dan teksi. Saya suka mengesyorkan di sini supaya pengeluaran permit bas mini ditambah lagi untuk menampung permintaan pengguna-pengguna pengangkutan yang ramai.

Tuan Pengerusi, kita boleh menyaksikan kejadian-kejadian bas mini yang sarat dengan penumpang-penumpang di mana-mana sahaja di bandaraya Kuala Lumpur ini kerana jumlah bas mini yang ada sekarang pada anggapan saya masih tidak mencukupi. Saya suka menyatakan di sini bahawa pengeluaran permit bas mini ini hendaklah terhad dan dikeluarkan seperti teksi, dikeluarkan kepada mereka yang benar-benar memandu bas mini.

Pada masa sekarang terdapat sebuah syarikat di bandaraya Kuala Lumpur yang mana saya diberitahu bahawa syarikat itu mempunyai bas mini yang berjumlah lebih daripada 10 buah. Bas mini itu dipajakkan kepada pemandu-pemandu yang ingin memandunya dengan dikenakan bayaran sewa pajakan yang tertentu pada setiap hari dan untuk menampung bayaran sewa pajakan, untuk membayar gaji conductor dan untuk membayar kos menyelenggarakan bas dan lain-lain maka pemandu ini terpaksa mengisi bas mini dengan penumpang yang lebih ramai dan seberapa yang boleh membuat perjalanan (trip) yang banyak serta melarikan bas begitu laju untuk mengejar masa dan ini satu masalah ekonomi yang dihadapi oleh pihak yang menyewa permit bas mini itu. Memandangkan perkara-perkara yang saya telah sebutkan tadi, saya haraplah bahawa Yang Berhormat Menteri dapat memberi pertimbangan yang sewajarnya yang sesuai ke atas syor-syor yang telah dibuat oleh saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kangar.

5.00 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Pengerusi, saya bercakap pada Butiran 1100, Aktiviti (2) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, muka surat 357. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Lembaga Pelesenan yang telah melaksanakan dasar terutamanya berhubung dengan teksi sepertimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya bahawa ia telah diberi syarat bahawa orang yang akan mendapatkan teksi itu ialah orang yang memandu teksi itu sendiri. Dan telah dituliskan pula di dalam lesen teksi ini mesti dipandu oleh orang yang telah mendapat lesen. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih dan saya berharap perkara-perkara ini akan berlanjutan sampai bila-bila kerana modal membeli sebuah motokar untuk dijadikan teksi tidaklah begitu banyak. Pendek kata siapa sahaja yang biasa memandu teksi, memandu motokar cara sewa, tentulah dia dapat membeli ala kadar motokar yang telah diberi lesen.

Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya syarat ini tidak boleh diganti dengan orang lain. Pendek kata misalnya si-Ahmad mendapat lesen teksi maka selain daripada Ahmad orang lain tidak boleh membawa teksi itu. Perkara ini pernah ditanya oleh pemegang lesen, kalaulah dia mendapat kemalangan maka teksi itu terpaksa ditaruh dibawah rumah walau beberapa lama. Kadang-kadang pihak Jabatan Pengangkutan Jalan pula telah menangkap beberapa orang yang telah menyerah motokarnya dipandu oleh orang lain. Ini patut kerana peraturan.

Tuan Pengerusi, telah menjadi adat manusia, sifat baharu, sesihat-sihat manusia adakalanya sakit. Selain dari bertukar ganti, umpamanya Speaker, Timbalan Speaker, Seri Paduka Baginda Yang di-Perluan Agong, Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Menteri dan Timbalan Menteri semuanya ada pengganti, begitulah halnya dengan insuran menetapkan mesti ada dua pemandu. Kalaulah takdirnya pemandu ini tidak boleh, ada pemandu lain yang boleh. Jadi saya merayu bersungguh-sungguh, kalau takdirnya A tak boleh pandu pada sekian-sekian masa, kalaulah boleh disangkutan kepada keluarga yang dapat lesen itu tadi. Misalnya kalau Ahmad bin Junus mendapat lesen, tiba-tiba anak-anaknya pula Saad bin Ahmad, maka dibenarkanlah salah seorang daripada

keluarga itu. Itulah harapan saya. Pendek kata ada penolongnya. Bukanlah semua orang boleh pandu.

Ada juga pemandu teksi bila dapat lesen diberikan kepada orang lain, itu saya rasa kenalah diambil tindakan. Tetapi kalau sampai seorang pun tidak boleh hendak ganti, ini adalah satu perkara yang bertentangan dengan kehendak alam. Jadi saya harap ini dapat diberi pertimbangan, dari segi lain, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Lembaga Pelesenan khasnya Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan bas. Saya ucapkan terima kasih kerana Kementerian telah mengeluarkan banyak permit bas. Sekarang kebanyakan bas ekspres sudah ada daripada Padang Besar sampai Kuala Lumpur dan terus ke Johor dan Singapura. Perjalanannya memakan masa yang panjang walaupun ia boleh berhenti di tempat-tempat perhentian bas. Kita tahu bas ekspres sekarang adalah selesa dan cantik tetapi oleh kerana perjalanannya jauh, saya rasa tempat buang air besar ataupun tempat buang air kecil itu mestilah selesa sedikit.

Jadi saya berharap, biarlah ada tempat bilik air untuk buang air besar atau kecil di dalam bas ekspres tersebut. Misalnya bas peluncuran MARA atau apa bas sekalipun, kalau dapat tempat duduk di belakang itu biarlah selesa sedikit supaya tandas yang berhampiran dengan penumpang-penumpang yang duduk di belakang selama 8-10 jam itu tidak teruk sangat baunya. Tetapi kalau sudah terpaksa, kena pergi juga. Saya berharap pihak Lembaga yang berkenaan dapat memerhatikan perkara ini.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Dungun tadi walaupun benda itu agak saya menyentuh sedikit mengenai Kementerian Pengangkutan, tetapi saya rasa biarlah ada selaras. Tentang MARA membenarkan pengangkutan cara lama, pada pendapat saya kelulusan untuk kebenaran selama 10 tahun atau lebih itu adalah wajar. Saya juga berpendapat kelulusan atas sesuatu kenderaan sama ada 10, 6 atau 5 tahun, mestilah diluluskan oleh pihak negeri masing-masing. RIMV atau MARA, saya rasa tak usaha nanti di sini. Perkara titik-bengik tidak payah datang ke Kuala Lumpur, kerana terpaksa berbelanja \$40-\$60 kadang-kadang dia ikut Wakil Rakyat, kenalah belanja dan sebagainya. Ini berlaku,

bukanlah kepada wakil dari Kangar sahaja tetapi yang lain-lain pun begitu juga. Silap sedikit sahaja kena datang ke Kuala Lumpur sedangkan benda itu boleh dibuat di negeri-negeri.

Tuan Pengerusi, sekarang saya bercakap mengenai perkara Lembaga Padi dan Beras Negara, muka surat 359, Butiran 4100, Aktiviti (3), (5) dan (7) sekali.

Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kerana Kerajaan telah memperuntukkan wang yang begitu banyak untuk membeli padi.

Tuan Pengerusi, padi ini sifatnya baharu-macam manusia, cuma tidak boleh bercakap. Jadi kalau dibeli padi mestilah diproses untuk dijadikan beras. Sebaik-baik padi yang dapat diproses ialah padi yang kering, cantik dan molek. Kalau takdir padi ditenggelami air dan sebagainya, padi itu akan rosak, busuk dan kalau dibuat beras pun, beras tidak jadi. Lembaga Padi dan Beras Negara boleh membeli padi sebanyak mana yang ia boleh, kerana tempatnya besar boleh diisi sampai berguni-guni. Tetapi bila hendak mengeringkan padi, ianya mesti mengikut had yang ada kepada alat yang ada di dalam Kompleks LPN sendiri. Saya dapati pada musim padi berbuah, musim padi ini ada musim, ia bukan macam. . . .

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bercakap berkenaan dengan Aktiviti (5) muka surat 359 berkenaan dengan Pemberian kepada Lembaga Padi dan Beras Negara. Yang Berhormat telah menyentuh mengenai soal dasar.

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya menyentuh pada Butiran 4100, Aktiviti (5) Pemberian kepada Lembaga Padi dan Beras Negara sebagai modal untuk pembelian padi.

Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan khasnya Kementerian yang telah memperuntukkan wang yang banyak kepada LPN untuk membeli padi. Tetapi bagaimana saya katakan tadi, padi ini akan rosak kalau musim hujan. Pendek kata, kalau boleh, padi itu hendaklah kering, barulah dapat jenis beras yang baik. Kalau padi itu tidak dapat dikeringkan, ia akan jadi rosak. LPN dapat membeli padi tetapi masalahnya ia tidak dapat mengeringkannya. Dengan sebab itu pihak LPN tentulah menanggung kerugian yang banyak.

Oleh sebab itu, saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya mem-banyakkan kompleks pengering padi ini supaya ia boleh mengikut jangka yang diketahui, umpamanya banyak mana padi dikeluarkan pada tiap-tiap tahun. Padi bendang setahu saya tidak bertambah, tetapi padi selalu basah dan tidak dapat dikeringkan dengan baik. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan supaya kompleks pengering padi itu hendaklah diadakan dengan seberapa banyak yang boleh dengan kadar yang segera. Ini berlaku tiap-tiap tahun. Saya tidak salahkan LPN, kerana tempat pengering itu tak cukup.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, berbalik saya kepada Aktiviti (7) Pemberian Subsidi Harga Padi.

Tuan Pengerusi: Masa ada satu minit lagi.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi saya berharap sebagaimana yang telah dijalankan oleh LPN kepada manusia yang menyalahgunakan wang subsidi padi yang sepatutnya dapat kepada penjual tetapi diambil oleh pihak orang tengah hendaklah LPN mengambil satu tindakan yang tegas. Setakat hari ini saya mengucapkan terima kasih kerana lebih 2,000 hendak disiasat dan sebagainya, ini saya harap sangat-sangat. Kalau didapati ada pihak-pihak yang hendak menyeleweng; ini bukan haknya, hak penanam padi dia hendaklah diambil tindakan tegas cara undang-undang baik pun cara lesen, janganlah disambung kembali kepada orang yang menjalankan macam itu. Satu lagi, Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Maaf

Tuan Shaari bin Jusoh: Sedikit sahaja lagi!

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup. Yang Berhormat dari Tanjung Karang.

5.12 ptg.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj (Tanjung Karang): Tuan Pengerusi, saya sukacita mengambil bahagian dalam menyokong peruntukan Kementerian ini pada muka surat 359, Maksud B. 38, Butiran 4100—Bayaran Pindahan, Aktiviti (3) Lembaga Padi dan Beras Negara.

Dalam perkara ini saya tertarik benar dengan khidmat yang dibuat oleh Lembaga Padi dan Beras Negara ini dan sudah sepatutnya setiap rakyat yang terlibat di dalam hal ini mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Padi dan Beras di atas khidmatnya yang begitu cemerlang, tetapi telah menjadi lumrah alam dalam semua benda yang baik itu masih ada lagi manusia berfikir perlu lagi diberi bahan-bahan agar menambah baik lagi.

Oleh itu, dalam perkhidmatan Lembaga Padi dan Beras Negara ini khususnya dalam bahagian membeli padi ialah masalah ejen bagi kawasan-kawasan yang berkenaan; dengan izin, saya tidak payah sebutkan kawasan itu, ada dua jenis ejen Lembaga Padi dan Beras Negara bagi membeli padi. Satu ejen ialah jenis 100% mewakili LPN dan satu jenis lagi ialah ejen sebahagian peratus mewakili LPN. Kedua-duanya ini mendapat lesen dan kebenaran daripada LPN. Jadi kepada ejen yang 100% mewakili LPN ini memang khidmatnya cemerlang bagi membantu pasaran pertanian khusus mengenai padi. Tetapi bagi ejen sebahagian peratus kepada LPN ini telah mengelirukan LPN dan telah menimbulkan masalah subsidi yang sedang menjadi masalah pada hari ini. Yang saya katakan ejen sebahagian peratus LPN ini mengelirukan LPN ini ialah semasa mereka membeli padi mereka mengasingkan padi itu secara langsung atau tidak langsung, secara disedari atau tidak oleh LPN tetapi ada berlaku iaitu padi-padi yang baik yang dibeli oleh ejen sebahagian peratus LPN ini dijual kepada swasta dan padi-padi yang kurang baik mereka jual kepada LPN. Saya berpendapat memang disedari oleh pihak LPN dalam hal ini jika dikaji dengan teliti. Oleh itu, Tuan Pengerusi, dalam masalah pentadbiran ini harus diselaraskan supaya LPN sendiri tidak dikelirukan oleh ejen yang sebahagian peratus LPN ini.

Sambung lagi daripada perkara itu ialah pada muka surat 360, Maksud Pembangunan 38, Butiran 5—Lembaga Padi dan Beras Negara juga.

Dalam hal ini ada terdapat sedikit kekurangan dalam masalah pasaran padi di negara ini iaitu masalah pengangkutan, alat bagi LPN mengangkut padi daripada tempat-tempat ejen membeli ke kilang LPN, ini menjadi masalah besar kepada kawasan jelapang padi di kawasan saya sendiri. Pernah

pada satu masa pegawai-pegawai dari LPN sama-sama dengan kita dan pemimpin-pemimpin tempatan menjemput tuan-tuan punya lori berbagai-bagai jenis permit untuk membantu mengangkut padi daripada ejen LPN untuk dihantar ke kompleks LPN. Mereka enggan, mereka kurang memberikan kerjasama dalam masalah ini yang menyebabkan padi-padi yang dibeli oleh wakil LPN itu bertimbun-timbun di pinggir jalan dan apabila hujan turun maka basahlah padi itu dan mutu padi itu pun turun dengan sendiri, ini menjadi masalah. Daripada kesah ini kadangkala padi ini sudah dibeli daripada petani-petani maka ditimbang oleh wakil LPN, dikenakanlah pada gumi itu tanda 'P'. 'P' ini maknanya 'potong', Tuan Pengerusi. Kalau 'P 10', potong 10 kati tiap-tiap sepikul misalnya. Kalau kena 'P 20' apa kata, potong 20 kati, mengikut nasib gumi itulah berapa 'P' yang dia dapat. Tetapi masalah ini bukan salah petani, bukan salah wakil LPN dan bukan salah LPN, ini ialah kerana takdir yang kita terima dengan senang hati tetapi ikhtiar masih perlu dibuat iaitu alat pengangkutan hendaklah dilengkapkan.

Tuan Pengerusi, kita sedar kalau LPN menyediakan lori dengan begitu banyak beratus-ratus buah bagi satu kawasan pasaran padi, pada musim padi itu betul dia berguna tetapi bila musim tidak ada padi ke mama pula lori ini hendak berkhidmat? Ini kita sedar!. Oleh itu, saya berseru kepada pihak LPN dan kepada pihak yang berkuasa di atas lesen pengangkutan ini supaya memberikan peluang kepada LPN apabila dia telah banyak lori agar dia menyumbangkan pula khidmat pengangkutan kepada masalah-masalah pembangunan negara jika sekiranya pada masa itu lori tersebut tidak diperlukan bagi mengangkut padi. Jadi dengan cara ini tidaklah membazir tenaga lori yang ada kepada LPN apabila lorinya telah banyak kelak sebagaimana yang diperlukan dalam pasaran padi ini.

Selain daripada itu, petani-petani di kawasan padi selalu bertanya-tanya, selain daripada LPN berkhidmat untuk memasarkan padi ini, adakah apa-apa khidmat LPN selain daripada masalah pasaran padi dan beras. Ini juga patut ditimbangkan sekiranya LPN dapat faedah yang baik daripada pasaran padi dan beras negara ini patut juga LPN menyumbangkan khidmat kepada petani-petani khususnya anak-anak petani.

Kalau sesuai LPN mengadakan pula tabung biasiswa yang mana anak-anak petani diberi peluang untuk mendapat biasiswa bagi melanjutkan pelajaran. Ini dapatlah dibuktikan bahawa LPN ini selain daripada bertugas memasarkan padi dan beras dapat pula membantu petani-petani sebagaimana yang ada pada perbadanan-perbadanan lain yang berkhidmat dapat faedah dari petani memberi bantuan kepada anak-anak petani supaya petani-petani yang bertanam padi pada masa akan datang menjadi petani yang bertanam padi yang mempunyai pelajaran yang moden, yang sesuai dengan tarafnya seorang penanam padi dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat seperti hari ini, Tuan Pengerusi.

Jadi, itulah sahaja, saya sukacita menyokong peruntukan Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri.

5.20 *ptg.*

Tuan Haji Mohamed bin Haji Ali (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh peruntukan di bawah Maksud B.38, iaitu Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Pada umumnya saya menyokong dasar yang telah dijalankan oleh Lembaga ini pada masa sekarang tetapi ada terdapat juga pemohon-pemohon permit lori, sama ada A ataupun C yang tidak digunakan oleh pemohon itu sendiri ataupun lebih jelasnya diAlibabakan, perkara ini terdapat di tempat saya. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan ini lebih berhati-hati sedikit supaya dapat menentukan pemohon-pemohon itu benar-benar menjalankan perkhidmatan pengangkutan lori ini sendiri dengan tidak diberi, sama ada sewa ataupun pajak kepada orang lain.

Saya menyentuh mukasurat 359 mengenai Lembaga Padi dan Beras Negara dan juga Majlis Amanah Rakyat.

Mengenai LPN, terutama sekali mengenai pemberian subsidi harga padi. Tujuan Kerajaan memberi bantuan subsidi harga padi daripada \$2 kepada \$10 itu ialah untuk membantu penanam-penanam padi yang keseluruhannya terdiri daripada orang-orang kampung yang kita dapati mereka ini tidak begitu mengambil berat di dalam tugas

memperbanyakkan pengeluaran hasil padi yang menjadi makanan utama bagi rakyat dalam negara kita ini. Tetapi nampaknya tujuan Kerajaan ini tidak mendatangkan hasil yang berkesan oleh sebab sebahagian daripada subsidi itu tidak didapati atau tidak diperolehi oleh penanam-penanam padi itu sendiri. Ini berlaku oleh sebab kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh petani-petani, terutama sekali dalam menyelenggarakan penjualan padi kepada Kompleks LPN yang tidak banyak ada dalam negara kita ataupun khususnya di satu-satu tempat. Tempat itu jauh daripada penanam-penanam padi dan mereka pula tidak mempunyai banyak padi. Oleh itu kiranya padi itu sedikit sahaja mereka tidak mahu membawa padi itu ke Kompleks LPN dan ini menyebabkan mereka terpaksa menjual kepada pemborong-pemborong yang ada di merata-rata tempat di kampung-kampung yang sengaja mencari peluang untuk mendapat faedah daripada hasil titik peluh penanam-penanam padi itu sendiri. Mereka membayar dengan harga yang murah dan kupon subsidi padi itu didapati oleh mereka sendiri.

Selain daripada itu penanam-penanam padi juga mengalami kesulitan pengangkutan, mereka tidak dapat membawa padi ke kilang-kilang LPN. Tetapi sebaliknya pemborong tempatan, mereka terdaya dengan menggunakan van masuk ke kampung-kampung, sama ada jalan itu yang kurang baik ataupun di atas batas parit taliair dan mereka pula sanggup membeli padi yang basah walaupun susah bagi pihak penanam padi itu sendiri menjual kepada LPN oleh sebab LPN selalunya membuat potongan yang banyak kerana basah. Oleh sebab yang demikian, saya mencadangkan pihak LPN mengadakan lawatan ke kampung-kampung dengan mengatur jadual- jadual supaya LPN dapat membeli padi tadi daripada pusat-pusat yang ditubuhkan di kampung-kampung bagi mengatasi masalah kesulitan yang dihadapi oleh penanam-penanam padi itu sendiri.

Selain daripada itu LPN juga harus mengadakan pengangkutan yang lebih seperti yang dicadangkan oleh rakan saya dari Tanjong Karang tadi. Ini berlaku kerana barangkali juga kesulitan pihak LPN mengadakan pengangkutan dan itulah sebabnya mereka tidak dapat mengambil padi yang jauh di dalam bendang ataupun sawah padi.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh sedikit mengenai Majlis Amanah Rakyat. Dalam soal ini saya dapati Pegawai-pegawai Majlis Amanah Rakyat (MARA) ini tidak dapat menjalankan siasatan dengan secara yang lebih berkesan kepada permohonan-permohonan pinjaman daripada peniaga-peniaga kecil, ini mengambil masa yang lama. Dan ada terdapat setengahnya pegawai-pegawai ini menjanjikan dalam tempoh 2 atau 3 bulan misalnya permohonan ini dapat disiasat tetapi apabila sampai tempoh itu tidak juga dapat dijalankan siasatan di atas permohonan itu. Perkara ini terjadi saya fikir ialah kerana kekurangan Pegawai-pegawai MARA di satu-satu negeri ataupun di satu-satu daerah. Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Perusahaan Awam menambahkan kakitangan MARA ini dengan lebih banyak lagi supaya dapat menjalankan perkhidmatan yang dikehendaki oleh rakyat, terutama sekali di kampung-kampung yang sedikit sebanyak pada masa ini sedang menuju kepada pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sedikit sebanyak pandangan saya mengenai permohonan yang diminta oleh Kementerian Perusahaan Awam. Dengan ini saya menyokong peruntukan ini.

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat dari Ulu Muda.

5.27 ptg.

Tuan Haji Hashim bin Endut (Ulu Muda):

Tuan Pengerusi, ingin saya mengambil bahagian sama di dalam perbahasan ini. Saya tujukan kepada muka surat 360, Maksud P. 38 Butiran 6—Majlis Amanah Rakyat.

Majlis Amanah Rakyat nampaknya pada tahun ini dapat peruntukan yang begitu banyak melalui Basiswa, Maktab Rendah Sains, Instituti Kemahiran MARA, Perdagangan dan Perusahaan, Perkhidmatan Pengangkutan dan lain-lain lagi. Nampaknya yang lebih popular sekali di dalam aktiviti MARA ini adalah biasiswa dan Maktab Rendah Sains MARA yang mana kalau boleh saya mintalah Puan Menteri peruntukan yang lebih banyak lagi untuk kegiatan Maktab Rendah Sains MARA ini kerana saya tahu pada tahun ini sahaja permohonannya lebih kurang 26,000 ibubapa ingin menghantar

anak mereka ke Maktab Rendah Sains hasil daripada kejayaan-kejayaan yang dibuat oleh Maktab MARA ini. Oleh yang demikian, kerana MARA tidak ada cukup tempat maka banyakkah ibubapa akan hampa tidak dapat peluang anak-anak mereka mengikuti pelajaran mereka di Maktab Rendah Sains MARA. Kalau boleh inilah satu-satu jalannya bagi bumiputra mendapat pelajaran tinggi melalui Maktab Rendah Sains MARA.

Tuan Pengerusi, saya juga berasa kagum kerana baru-baru ini pada 12hb November saya pergi ke India, kegiatan MARA ini diberi penghargaan yang begitu tinggi oleh dunia, iaitu satu seminar, dengan izin, "World Assembly of Small and Medium Size Business Entrepreneurs" di seluruh dunia ada berhimpun di New Delhi. Nampaknya kegiatan MARA ini dapat perhatian yang tinggi. Negeri kita, iaitu Negara Malaysia melalui MARA kita dapat hadiah istimewa daripada Badan tersebut.

Tuan Pengerusi, ingin saya merujuk kepada Lembaga Padi dan Beras Negara, muka surat yang sama, P. 38.

Nampaknya kegiatan LPN ini sungguh berkesan sekali, akhir-akhir ini begitu kuat sekali menjalankan tugas mereka tetapi ada perkara-perkara yang perlu saya buat teguran sedikit sebanyak di atas kegiatan LPN ini kerana saya tengok kegiatannya begitu pesat sekali tetapi satu bahagian iaitu penguatkuasaan. Penguatkuasaan yang dijalankan oleh LPN ini mestilah digiat dan dikuatkan lagi dan mestilah ada pegawai-pegawai yang betul-betul jujur dan ikhlas menjalankan tugas-tugas mereka di dalam LPN ini.

Sebagai contoh baru-baru ini Puan Menteri pergi melawat di Kedah bersama-sama dengan rakyat menyelesaikan masalah subsidi padi. Tiga hari lebih Puan Menteri berada di sana, cuba hendak buat surprise check kepada kilang-kilang tetapi malang sekali Pegawai Penguatkuasa pergi memberitahu kepada kilang itu, maka lawatan Puan Menteri kepada kilang tersebut tidak jadi surprise lagi, menjadi secara official pula. Ini sungguhlah malang dan tidak patut sekali dilakukan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan
Jawatankuasa*)

Lagi satu, Tuan Pengerusi, mengapa saya tegaskan penguatkuasaan ini sangat penting dan mustahak kerana akhir-akhir ini bagi pihak pemborong-pemborong beras sangat susah mendapat beras mereka. Pergi kepada LPN, LPN kata pergi beli kepada kilang-kilang besar. Apabila pemborong-pemborong beras pergi kepada kilang-kilang besar, harga beras B2 yang tercatat ditetapkan oleh Kerajaan \$77.10 yang perlu dijual oleh mereka tetapi mereka tidak sanggup menjual dengan harga itu yang luarnya tulis \$77.10 tetapi under the counter ada lagi \$3 diminta oleh pengilang tersebut. Ini perlu kepada penguatkuasaan yang lebih ketat lagi.

Tuan Pengerusi, saya sokong sahabat-sahabat saya yang meminta supaya kompleks LPN ini dibina dengan lebih banyak lagi. Kalau hendak membina banyak kompleks-kompleks mestilah ada peruntukan yang banyak. Di dalam negeri Kedah sebagaimana kita sedia maklum, negeri yang mengeluarkan hampir 50% beras keperluan negara, Kedah, Perlis dan juga adalah negeri-negeri yang mengeluarkan beras begitu banyak sekali. Oleh yang demikian, saya mintalah supaya kegiatan-kegiatan LPN ini patut digiatkan lagi kerana dua kali berlaku bencana berkenaan LPN ini, sekali pada masa tunjuk perasaan di Alor Setar pada bulan Januari awal tahun ini dan baru-baru ini masalah pembayaran subsidi \$10 kupon kepada petani-petani yang mana pegawai-pegawai tingginya termasuk Menteri dan sebagainya terpaksa rush pergi ke Kedah, pergi menyelesaikan masalah-masalah ini. Apa salahnya kalau Lembaga Tembakau Negara kita boleh tempatkan ibupejabatnya di Kelantan oleh kerana Kelantan dan Kedah ini hubungannya begitu dekat sekali, apa salahnya kalau ibu pejabat LPN ini juga boleh dipindahkan ke negeri Kedah yang mana pengerusinya di sana, pegawai-pegawai tingginya di sana kerana kalaulah Pejabat LPN ini berada di negeri Kedah, negeri keluar padi, negeri jelapang padi bagi negara kita, maka dengan senangnya pegawai-pegawai LPN boleh menyelesaikan apa juga masalah yang akan dihadapi oleh petani-petani, kerana kerja-kerja petani ini boleh dikatakan all the year round, maka pengawasan atau perhatian daripada Kerajaan perlu diberi dengan lebih dekat, maka apatah lagi negeri Kedah adalah

sebuah negeri yang miskin di mana penduduk-penduduknya, petani-petani adalah terdiri daripada orang miskin. Tiap-tiap tingkah laku yang dibuat oleh Kerajaan itu semuanya sensitif belaka, maka hendak menyelesaikan masalah sensitivity ini adalah lebih baik kalau LPN boleh pindah ibu-pejabatnya, janganlah duduk di Kuala Lumpur, ibu negara kita, mestilah pindah pergi ke Alor Setar yang mana pegawai-pegawai tingginya boleh deal direct dengan petani-petani malah masalah-masalah yang boleh selesai dalam masa dua tiga hari boleh selesai there and then.

Tuan Pengerusi, itu adalah permintaan kebanyakan daripada petani-petani di sana dan kalau boleh saya mintalah juga supaya Pejabat LPN ini ditempatkan di negeri Kedah. Dengan adanya pejabat di sana, dengan adanya pegawai-pegawai yang cukup di negeri Kedah di segenap peringkat jawatan, maka sudah tentu masalah-masalah yang timbul yang dianggap sebagai bencana kepada negeri itu tidak timbul lagi kerana pegawai-pegawai ada berdamping bersama dengan petani ini maka dengan senangnya, dengan mudahnya perkara-perkara ini tidak akan tercetus lagi di masa akan datang.

Tuan Pengerusi, di dalam bab yang sama inginlah saya bercakap sedikit sebanyak berkenaan wholesaler ataupun pemborong-pemborong beras bumiputra pada akhir-akhir ini sangat sukar bagi mereka mendapatkan bekalan beras kerana bekalan yang ada di LPN sendiripun tidak mencukupi, kalau adapun beras-beras yang tidak begitu tinggi mutunya.

Sebagai contohnya beras LPN sendiri apabila dihantar ke negeri Sarawak, saya mendapat faham tidak diterima oleh orang Sarawak kerana beras itu mutunya sangat rendah, tidak berpatutan, dihantarnya balik. Bukankah itu satu perbuatan yang tidak patut dan merugikan LPN sendiri. Adalah lebih baik kalau adanya banyak kompleks, adanya ibupejabat di sana untuk negeri Kedah dan Perlis dan juga negeri Kelantan maka perkara-perkara beras yang tidak elok ini tidak akan timbul lagi.

Tuan Pengerusi, dengan kata-kata itu inginlah saya sekali lagi memberi penghargaan yang tinggi kepada Kementerian ini apatah lagi Menteri yang baru, yang bersemangat begitu gigih sekali, dengan

adanya Menteri ini di dalam Kementerian ini kita percaya lebih banyak lagi kegiatan-kegiatan Kementerian Perusahaan Awam ini dapat dijalankan dengan saksama.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.35 ptg.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu dua perkara di dalam menyokong peruntukan Kementerian Perusahaan Awam. Pertama, di bawah peruntukan Bekalan B. 38, Butiran 1100, Aktiviti (2) Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan.

Beberapa tahun yang lalu di Johor Bahru telahpun dikemukakan cadangan untuk mengadakan perkhidmatan mini bas dan mengikut maklumat yang saya perolehi sebanyak 75 buah permit mini bas telahpun dikeluarkan kepada mereka yang difikirkan layak oleh Lembaga Pelesenan. Tetapi sehingga hari ini rancangan untuk mengadakan perkhidmatan mini bas ini belum lagi dilaksanakan dan saya harap dengan langkah jangka panjang yang akan diambil oleh pihak Lembaga Pelesenan dan umumnya oleh Kementerian Perusahaan Awam mengkaji akan cadangan ini sama ada ingin meneruskan usul untuk mengadakan perkhidmatan bas mini di Johor Bahru itu dan keduanya sama ada tidak akan meneruskan rancangan itu dan menarik semula segala peruntukan atau pemberian sebanyak 75 permit yang telahpun dikeluarkan kepada bumiputra perseorangan di Johor Bahru.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, berhubung dengan Lembaga Pelesenan juga telahpun diumumkan dengan jelas dan tegas tentang dasar owner operator di dalam soal pemberian permit bas.

Saya menyokong penuh di atas usaha dan dasar yang baru diamalkan oleh Lembaga ini dan ini bermakna bahawa mereka yang ingin mencari rezeki dengan menjalankan perusahaan kereta sewa ataupun teksi ini adalah mereka yang benar-benar tulin dan saya berharap tindakan tegas akan diambil supaya rancangan ini akan dapat dijalankan dengan licinnya. Tetapi saya ingin mendapat penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri apakah dasarnya pula bagi membolehkan syarikat-syarikat yang dimiliki 100% bumiputra menjalankan perusahaan

teksi ini. Adakah ada dasar tertentu ataupun tidak membolehkan langsung syarikat-syarikat seperti ini mendapat lesen dan menjalankan perusahaan seperti itu.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, ialah saya berharap juga di bawah Bahagian Pelesenan ini supaya mengkaji segala permit-permit yang telahpun dikeluarkan kepada mereka yang lalu dan juga menentukan kuota yang lebih substantial, yang lebih besar bagi menunjukkan perusahaan pengangkutan dan juga permit-permit yang dikeluarkan ini menunjukkan ataupun mencerminkan penyertaan yang lebih besar kaum bumiputra dalam bidang pengangkutan.

Perkara yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya berharap juga melalui Kementerian Perusahaan Awam khususnya di bawah Lembaga Pelesenan untuk mengadakan suatu cara ataupun dasar yang boleh difikirkan bagi menggalakkan bumiputra menyertai dalam bidang perusahaan pengangkutan barang-barang yang sekarang ini kebanyakannya dimonopoli oleh syarikat-syarikat pengangkutan bukan bumiputra yang besar.

Saya khuatir sekiranya ada dasar Kementerian sekarang ini memperuntukkan lebih banyak lesen-lesen kepada syarikat-syarikat pengangkutan bumiputra, syarikat-syarikat ini mungkin tidak mempunyai cukup barangan untuk diangkut walaupun banyak lesen dikeluarkan dengan sebab belum ada lagi suatu ketentuan ataupun suatu dasar yang menghendaki syarikat-syarikat yang membekalkan barang-barang ini menggunakan pengangkutan-pengangkutan yang disediakan oleh syarikat-syarikat pengangkutan bumiputra.

Kecempatnya, Tuan Pengerusi, kerap berbangkit masalah perselisihan faham diantara beberapa jabatan yang berkaitan dengan pengangkutan jalan seumpamanya Jabatan Pengangkutan Jalan (Road Transport Department) sendiri dengan Lembaga Pelesenan dan baru-baru ini juga kita mendengar tentang kesulitan ataupun komplen yang dikemukakan oleh Persatuan Pemilik-pemilik atau Transport Operators Association. Saya harap satu cara yang lebih licin dan juga lebih teratur dan dasar yang lebih tegas akan dapat diamalkan oleh Lembaga Pelesenan ini dan juga kerjasama yang erat dapat diberikan oleh jabatan-jabatan yang lain bagi mengelakkan kesulitan yang dihadapi oleh operator-operator pengangkutan.

Perkara kedua yang besar yang saya ingin sentuh, Tuan Pengerusi, ialah di bawah Maksud B. 38, Butiran 4100, dan juga di bawah P.38 Butiran 6 berkenaan dengan MARA.

Saya lihat di dalam anggaran belanjawan ini tidak ada peruntukan langsung dibuat bagi perkara (ii) Perdagangan dan Perusahaan, bagi perkara (iii) Perkhidmatan Pengangkutan dan juga bagi perkara (iv) berkenaan dengan pinjaman, sama ada ini menunjukkan adanya restructuring di dalam MARA, sebab bahagian-bahagian yang saya fikirkan penting ini tidak memohon peruntukan yang tertentu sedangkan umpamanya dalam perdagangan dan perusahaan dalam tahun 1980 sebanyak \$36,806,700 dimohon dan pada tahun ini tidak ada langsung. Walaupun peruntukannya nominal, jadi adakah ini menunjukkan ada penyusunan semula dan bahagian-bahagian ini tidak dapat peruntukan secara langsung atau pun bagaimana, saya harap dapat penjelasan yang lebih lanjut daripada Yang Berhormat Menteri.

Di dalam perkara MARA ini juga, Tuan Pengerusi, saya percaya sekarang ini MARA telahpun melancarkan dan mengamalkan apa yang disebutkan sebagai konsep payung ataupun "umbrella concept" untuk melindungi syarikat-syarikat usaha sama ataupun syarikat-syarikat bumiputra yang difikirkan perlu diberi perlindungan lebih dengan sebab adanya pertandingan-pertandingan dengan syarikat-syarikat yang bukan bumiputra ataupun syarikat-syarikat yang lebih besar. Saya amat mengalu-alukan dan menyokong penuh atas konsep payung ini, sebab selagi ini tidak diamalkan kita khawatir perkembangan dan penyertaan bumiputra dalam industri-industri yang penting tidak akan dapat dimajukan sebagaimana yang kita harapkan.

Saya ingin mencadangkan supaya konsep payung ini diperluaskan untuk meliputi industri-industri di mana kaum bumiputra masih berkurangan, di mana kaum bumiputra masih memerlukan penyertaan yang lebih dan buat awalnya sekiranya orang-orang perseorangan ataupun syarikat bumiputra belum mempunyai kemampuan untuk memasuki secara persendirian maka dengan bantuan dan pertolongan daripada MARA eloklah dijalankan usaha sama dan peringkat awalnya MARA menguasai ataupun mengadakan control di atas syarikat-syarikat usaha sama tersebut.

Perkara kedua, Tuan Pengerusi, dalam perkara MARA juga, saya yakin dengan adanya kepakaran dalam MARA sekarang ini perlulah MARA mengadakan satu program jangka panjang matlamat tahun 1990 iaitu matlamat yang diharapkan dapat dicapai di bawah matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Dan saya yakin bahawa MARA mempunyai kepakaran untuk menyediakan satu pelan induk dan jangka panjang untuk menentukan supaya peratusan yang harus dicapai oleh bumiputra dalam bidang-bidang yang ditekankan oleh MARA akan sebenarnya dapat dicapai dalam tahun 1990 dalam industri-industri dalam perusahaan di mana MARA memikirkan kekurangan penyertaan bumiputra maka rangka panjang dan juga program yang lebih khusus perlulah diadakan supaya bidang-bidang yang masih berkurangan ini akan dapat ditingkatkan penyertaannya.

Satu aspek lagi dalam hal MARA, Tuan Pengerusi, ialah tentang kekurangan pegawai yang ditempatkan di daerah-daerah. Ini selalu dibangkitkan dan saya dimaklumkan dalam taklimat baru-baru ini bahawa daripada jumlah tak kurang daripada 300 pegawai-pegawai MARA yang dimohon tambahan pada dasarnya diluluskan 100 orang sahaja, bermakna 30% sahaja yang diluluskan untuk ditambah dalam tahun 1981. Ini adalah satu angka yang amat kecil memandangkan tentang perlu dan mustahaknya MARA memperluaskan dan menambahkan keupayaan di kawasan-kawasan khususnya di pekan-pekan dan di daerah-daerah luar bandar umpamanya sekiranya MARA memikirkan bahawa khidmat nasihat dan juga pembangunan usahawan-usahawan kecil itu perlu diperluaskan, sekarang ini hanya ada seorang sahaja Pegawai MARA di daerah dan mengikut kajian yang saya diberitahu di dalam masa-masa yang lalu daripada jumlah masa yang digunakan oleh Pegawai MARA di daerah lebih daripada 70-80 peratus daripadanya digunakan untuk memproses permohonan pinjaman dan tidak ada masa untuknya pergi memberi khidmat bimbingan nasihat dan perkara-perkara yang lain yang selalunya juga dititikberatkan. Ini dengan sebab kekurangan pegawai dan saya menyokong penuh supaya Kementerian Perusahaan Awam ini diberi peruntukan yang lebih bagi memungkinkannya mendapat pegawai-pegawai yang terlatih dan ditempatkan di bawah bahagian MARA ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, di dalam perkara P.38 Butiran 1 yang berkaitan dengan pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri di mana sejumlah sebanyak \$40 juta akan dipinjamkan kepada PKEN Negeri-negeri.

Saya tidak tahu sama ada mengikut apa yang berlaku sekarang ini memang banyak peruntukan dan bantuan serta pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Pusat melalui Kementerian ini kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri. Saya mengalu-alukan ketegasan Yang Berhormat Menteri baru-baru ini yang mengumumkan supaya perbadanan tidak akan menjalankan usaha-usaha yang bertindih peranannya (duplicating) dalam tugas dan juga dalam program dengan agensi-agensi yang lain yang juga dimiliki oleh Kerajaan. Jadi dengan adanya pinjaman yang banyak yang telahpun dicurahkan oleh Kerajaan Pusat kepada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, saya kurang pasti sama ada mengikut peruntukan undang-undang yang ada sekarang ini, kanun-kanun yang telahpun diluluskan di atas penubuhan perbadanan itu, Kerajaan Pusat mempunyai kuasa-kuasa tertentu untuk mengawal perjalanan perbadanan-perbadanan tersebut.

Mengikut apa yang kita dengar dan dapat kita saksikan setakat ini banyak syarikat-syarikat dan usaha-usaha yang dijalankan gagal, dengan sebab ini adalah satu tindakan yang hanya dijalankan oleh peringkat negeri sahaja dan Kerajaan Pusat kurang mempunyai kuasa-kuasa tertentu bagi mengawasi perjalanan anak-anak syarikat ataupun oleh perbadanan-perbadanan yang berkenaan. Oleh yang demikian, oleh sebab banyak peruntukan dan pinjaman yang telahpun diberikan, saya ingin mencadangkan supaya peruntukan-peruntukan yang ada di bawah kanun-kanun yang tertentu terhadap penubuhan perbadanan-perbadanan itu mungkin perlu dipinda bagi membolehkan Menteri khususnya Menteri Perusahaan Awam mempunyai kuasa yang lebih bagi menentukan perjalanan perbadanan-perbadanan tersebut.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Dan saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian ini

Tuan Pengerusi: Saya jemput Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam menjawab.

5.57 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun menyokong peruntukan Butk Kementerian Perusahaan Awam iaitu B. 38 dan juga P. 38 berjumlah \$482,945,210.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah seperti juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan masalah berkaitan dengan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan iaitu khusus dengan permit-permit teksi dan mengalu-alukan dasar baru supaya dari masa sekarang hanya mereka yang membawa teksi sahaja diberikan permit.

Memanglah benar, ini adalah dasar baru yang telah dibuat untuk perjalanan LPPJ ini dan ada pengecualian-pengecualian diberi di masa-masa yang lepas ini di mana jikalau syarikat misalnya memohon untuk menjalankan perkhidmatan teksi yang telah ada pun diberi seperti syarikat kerjasama, tetapi inginlah saya menegaskan keutamaan (priority) kepada orang-orang yang bukan membawa sendiri teksi-teksi ini adalah rendah sekali dan keutamaan (priority) utama adalah diberi kepada mereka yang membawa teksi dan ini adalah dipastikan melalui temuduga yang dijalankan oleh pihak Lembaga ke atas permohonan-permohonan yang dibuat.

Inginlah saya menegaskan bahawa dari segi kelewatan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Ahli Yang Berhormat dari Dungun mengenai proses permohonan-permohonan sama ada teksi atau lori oleh LPPJ, ingin saya memberikan gambaran bahawa misalnya dalam tahun 1979 sebanyak 5,815 permohonan teksi telah diterima. Lori permit 'A' 6,230, lori permit 'C' 8,126, maka dengan begitu banyaknya permohonan-permohonan telah diterima dalam satu tahun, maka sudah bermakna proses untuk menentukan benar atau tidak orang ini akan membawa teksi, benar atau tidak orang ini akan menjalankan lori permit 'A' yang diterima itu akan mengambil masa sedikit. Itulah sebabnya proses mengambil masa dan saya amatlah gembira apabila mendengar ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin kepastian bahawa hanya mereka yang benar-benar menjalankan pengangkutan lori atau teksi diberi permit.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah seperti juga Ahli Yang Berhormat dari Pagoh telah membangkitkan soal pinjaman kepada PKEN, iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat khawatir tentang sama ada ini dapat dikesan dengan baik. Perlulah saya katakan bahawa permohonan-permohonan untuk pinjaman ini adalah di atas projek-projek yang sama ada sedang berjalan, iaitu memerlukan permohonan pinjaman lanjutan ataupun projek-projek yang telahpun dikesan dan dipersetujui untuk dijalankan dan ada satu Jawatankuasa yang dipanggil Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang dianggotai bersama oleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Perusahaan Awam dan juga oleh pegawai-pegawai daripada Perbendaharaan untuk meneliti daya hidup (*viability*) projek-projek ini dan juga untuk meneliti sama ada projek-projek yang dipohonkan pinjaman itu wajar untuk mendapat pinjaman.

Ahli Yang Berhormat dari Pagoh juga mengkhawatirkan sama ada benar-benar ada kuasa meneliti atau mengesan peringkat pusat. Inginlah saya mengatakan oleh kerana permohonan-permohonan pinjaman ini dibuat daripada Kerajaan Pusat iaitu melalui Perbendaharaan dan disalurkan ke Kementerian Perusahaan Awam maka ada kuasa-kuasa tertentu misalnya dari segi kuasa menentukan sama ada projek itu boleh diberi pinjaman. Kalau kita anggap tidak sesuai, tidaklah diberi, tidak ada wangnya, juga pihak pusat berpuas hati bahawa projek itu patut dijalankan dan wajar mendapat pinjaman, ada juga kontrol atau kawalan ke atas pengeluaran *scheduled draw-down*, Tuan Pengerusi, pinjaman-pinjaman itu bagi badan-badan Kerajaan seperti peringkat negeri ada perwakilan daripada peringkat pusat melalui pegawai-pegawai tertentu. Adalah diharapkan pegawai-pegawai yang menjadi wakil di dalam Badan-badan Berkanun terutama di peringkat negeri ini akan menjalankan tugas masing-masing dengan sempurna, dengan memberi panduan-panduan kepada agensi-agensi ini seperti yang dihasratkan oleh dasar-dasar di peringkat pusat.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah juga membangkitkan masalah agen-agen LPN seperti juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri dan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

Tuan Pengerusi, sekarang ini LPN menggunakan rangka susunan pembelian padi yang ada dalam pasaran iaitu rangka susunan

swasta. Namun demikian, LPN sendiri ada mempunyai rangka susunan pembeliannya sama ada terus ke kompleks-komplek itu sendiri ataupun melalui pusat-pusat pembelian yang ditauliahkan oleh LPN, misalnya, LPN sekarang ini mempunyai 234 pusat-pusat pembelian sendiri dan ini akan ditambah mengikut keperluan. Di samping itu ada juga sebanyak 1,509 pembeli-pembeli padi yang dilesen oleh LPN yang mana pembeli-pembeli padi yang berlesen ini ada pergi ke sawah-sawah atau menemui petani-petani untuk membeli padi seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah. Ahli Yang Berhormat juga seperti Ahli Yang Berhormat dari Pagoh ada membangkitkan mengapa MARA tidak ada peruntukan untuk pinjaman, sebenarnya ada iaitu di bawah kemudahan kredit.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun membangkitkan soal teksi 10 tahun mengapa tidak dibenarkan ataupun ada kerumitan dihadapi. Sebenarnya inginlah saya menerangkan bahawa Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan hanya mengeluarkan permit-permit untuk menjalankan urusan teksi atau lori atau bas. Tetapi Jabatan Pengangkutan Jalan di bawah Kementerian Pengangkutan adalah berkuasa untuk melesenkan kenderaan itu yang mana jikalau mengikut undang-undang permit yang dikeluarkan oleh LPPJ di bawah Kementerian Perusahaan Awam dalam satu tahun tidak dilesenkan kenderaan yang mendapat permit itu, maka permit itu akan luput. Jadi masalah yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu ialah sebenarnya masalah di bawah pentadbiran Kementerian Pengangkutan, dengan hasrat dasar itu ialah semata-mata untuk menjamin kenderaan-kenderaan yang dilesenkan oleh mereka bergerak di atas jalanraya kita adalah kenderaan-kenderaan yang sesuai dan kenderaan-kenderaan yang tidak mendatangkan bahaya kepada pengguna-pengguna jalanraya, jadi itulah keadaannya.

Ahli Yang Berhormat dari Dungun juga ada membangkitkan soal pinjaman MARA \$2,000 dan tentang kelewatan-kelewatan memproses, begitu juga ada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan. Pada asasnya pinjaman \$2,000 ke bawah ini tanpa cagaran ialah untuk pinjaman yang betul-betul kecil, pinjaman peniaga yang kecil-kecil benar iaitu yang

menjual barang-barang dengan kereta tolak misalnya gerai-gerai kecil, dan sebabnya permohonan ini lewat diproses di masa yang lepas ini ialah oleh kerana bilangan yang memohon semenjak bulan April dasar ini diumumkan agak ramai, misalnya, semenjak April sehingga Oktober tahun ini iaitu hanya dalam masa 6 bulan 12,640 permohonan telah diterima dan setakat ini 9,570 telah diluluskan, bahkan seiring dengan apa yang disyorkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat supaya setiap permohonan ini dipastikan benar-benar, betul-betul layak menerima maka sudah pasti pegawai MARA perlulah meneliti dengan seberapa baik yang boleh.

Ada Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya ditambah kakitangan iaitu Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri meminta tambahlah kakitangan MARA katanya supaya dapat kita proses benda ini dengan cepat. Masalahnya bukan sahaja menambah kakitangan, memang ada rancangan untuk menambah kakitangan-kakitangan strategik dalam MARA, tetapi pada pendapat saya bukan kakitangan ditambah sahaja benda ini boleh berjalan dengan licin, sistem, procedure, cara kita membuat prosesan ini juga perlu diteliti dengan baik. Misalnya, saya ada mengesyorkan kalau boleh dua jenis borang digunakan dalam permohonan pinjaman kepada MARA. Borang yang warna lain misalnya untuk permohonan-permohonan peniaga-peniaga baru yang tidak pernah berniaga yang perlu diselidik lebih mendalam, borang warna lain dibezakan dengan borang-borang yang boleh digunakan untuk peniaga-peniaga yang sudah pun berniaga, sudah ada rekod berniaga ataupun yang sudah dahulu dapat pinjaman MARA hendak pinjaman lanjutan, jadi ini boleh cepat sedikit kerana kita ada rekodnya, ini cara proceduranya yang saya rasa juga perlu diteliti dan ini, insya Allah, akan dibuat untuk memperbaiki khidmat MARA kepada bumiputra, terutama peniaga-peniaga kecil.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan soal untuk menambah kadar-kadar bayaran biasiswa. Sukacitalah saya memaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Keempat ini biasiswa-biasiswa yang diberi oleh MARA akan mengikut kadar-kadar baru selaras dengan kenaikan kadar-kadar menggunakan perkhidmatan pelajaran tinggi yang ada di luar negeri misalnya dan juga mengenai menambahkan IKM dan

sebagainya. Inginlah saya mengatakan bahawa 11 projek-projek IKM adalah dirancang untuk disiapkan dalam tahun 1980 dan mengenai menambah pelajar IKM dalam tahun 1979 bilangannya ialah 1,412, dalam tahun 1980 ini adalah dianggarkan 4,121 iaitu tambahan yang agak besar.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga membangkitkan soal teksis bawa sendiri dan mengesyorkan supaya semua yang bawa itu selepas 3 tahun diberikan teksis. Dari segi ideanya bolehlah dijalankan tetapi inginlah saya menyatakan tidak ada kemungkinan bahawa semua pembawa teksis itu ada kemampuan hendak membeli teksis. Tetapi dalam dasar baru ini memanglah pasti jikalau mereka membawa teksis dan benar-benar layak boleh membeli teksis dan menjalankannya, sudah pasti bolehlah dipertimbangkan tetapi tidaklah terjamin bahawa asalkan dia membawa teksis, permohonan akan diluluskan kerana ada pertimbangan yang lain seperti keupayaan dan di mana dia akan membawa teksis itu, tetapi dasar itu akan terus dijalankan.

Tentang untuk menambahkan jangka masa mereka membuat rayuan, yang sebenarnya rayuan ini tidaklah begitu kompleks kerana apa yang dikehendaki di dalam membuat rayuan ini ialah mereka merayu kepada Menteri supaya dalam surat rayuan itu diberi apa juga maklumat tambahan yang mungkin dahulu menyebabkan dia gagal dalam temuduga pertama. Tiap-tiap kali orang ini bila ditemuduga pertama, maklumatnya tidak cukup, tidak memberi sebab-sebabnya, tidak memberi gambaran tentang keupayaannya, jadi kalau dalam rayuan ini dapat diberi mungkin pertimbangan semula dapat diberikan.

Jadi itulah rayuan. Saya percaya tidaklah perlu memakan masa yang lama tetapi namun demikian bagi pihak saya flexibility ada, kalaulah oleh kerana sebab-sebab tertentu dia tidak dapat merayu tepat dalam masa yang diberikan, lewat 2-3 hari atau seminggu asalkan dia benar-benar orang yang berniat membawa teksis ataupun mendapat permit teksis, rayuan ini boleh ditimbang tetapi mungkin round kedua, tidaklah ia akan ditemuduga dengan orang-orang yang membuat rayuan dalam jangka masa yang dihadkan kerana kita mesti memproses segala rayuan dan saya memberi masa supaya

dalam satu rayuan saya menemuduga sekian banyak sahaja. Maka yang lewat sedikit itu datanglah round kedua, jadi lambat sedikitlah akan ditemuduga mereka.

Mengenai bas mini seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan khususnya oleh Yang Berhormat dari Pagoh mengenai bas mini di Johor Bahru, inginlah saya menegaskan keadaannya ialah apabila permit bas mini dahulu dikeluarkan oleh pemohon-pemohon di Johor Bahru itu, dalam masa setahun yang telah diberi untuk permit-permit itu dilesenkan, didapati bahawa lesennya tidak dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan oleh sebab-sebab tertentu seperti masalah laluan dan sebagainya. Jadi dari segi LPPJ (Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan) kerana setahun itu telah luput semua permit-permit itu telah tidak dilesenkan oleh LPPJ iaitu Kementerian Pengangkutan maka luputlah permit-permit bas mini itu.

Saya menyambung apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar untuk menambah bas-bas mini dan sebagainya. Ini adalah dalam praktiknya satu pertimbangan yang dibuat oleh tiga pihak iaitu pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan, pihak Unit Perancangan Jalanraya (Highway Planning Unit) dan juga Jabatan Pengangkutan Jalan. Sepatutnya ketiga-tiga inilah yang menentukan sama ada patut ditambah perkhidmatan bas mini di mana-mana tempat, patut diadakan perkhidmatan bas mini di mana-mana tempat dan sekarang ini saya sedang cuba berusaha untuk mendapatkan gambaran keseluruhan keperluan bas mini di negara kita ini. Sebagai Menteri baru perlulah saya mendapat gambaran ini dan saya berharap satu laporan akan dapat dibuat oleh tiga pihak ini untuk mendapat gambaran yang sebenarnya sebelum apa juga pertimbangan pelesenan baru dapat dibuat.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar membangkitkan soal membaiki keselisian bas ekspres. Insya Allah, tetapi keselisian ini bukan hanya bergantung kepada baik atau tidak tandas yang disediakan, tetapi penggunaannya oleh orang yang menggunakan bas itu. Walau bagaimanapun cantik atau selisanya kemudahan tadi kalau penggunaannya tidak dibuat dengan baik saya rasa timbul juga masalah itu, tetapi akan diteliti.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah membangkitkan soal keupayaan LPN untuk mengering padi dalam mana-mana musim terutama musim kemuncak penuaian padi. Memang benar, terutama sekali dengan bertambahnya subsidi hingga \$10 sudah pasti ramai lagi petani akan menjual sama ada terus kepada LPN atau direct kepada kilang-kilang yang mana pembeli-pembeli yang akan membawa padi kepada LPN, maknanya dijangka pembelian LPN bertambah. Sekarang ini LPN mempunyai 28 Kompleks Pengering, sudah pasti ini tidak cukup dan dalam Rancangan Malaysia Keempat ini akan ditambah tetapi buat sementara saya telah mengarahkan LPN supaya membeli alat-alat pengering kecil-kecilan yang boleh membantu keupayaan tempat-tempat pengering yang sekarang ini ada dalam LPN, dengan harapan jikalau dapat diadakan alat-alat pengering kecil-kecilan ini dengan seberapa segera yang boleh maka dapatlah kita atasi masalah mengering ini, sekurang-kurangnya dalam musim menuai yang akan datang terutamanya di kawasan jelapang padi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat untuk melihat banyak mana padi yang telah dibeli oleh LPN, misalnya dalam tahun 1979 LPN telah membeli padi sebanyak 223,030 tan dan LPN telah memproses sebanyak 182,307 tan padi. Ini menunjukkan keupayaan LPN pada masa itu, maknanya jumlah padi yang dibeli dan di kilang adalah besar.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang membangkitkan soal ejen-ejen padi dan juga penyelewengan-penyelewengan yang berlaku. Sebenarnya pelesenan ejen-ejen ini dibuat dengan syarat-syarat dan sekiranya syarat-syarat ini dilanggar, tindakan-tindakan sudah pasti akan diambil. Mengenai penyelewengan di dalam pembelian padi, penyelewengan di kilang-kilang dan sebagainya, bukan sahaja LPN memerlukan maklumat-maklumat supaya ini boleh dikesan ataupun diambil tindakan-tindakan lanjutan tetapi juga memerlukan dedikasi dan kejujuran pegawai-pegawai kita untuk menjalankan urusan kuatkuasa kerana pada pendapat saya kedua-dua ini amat penting supaya dapat kita basmikan apa-apa juga penyelewengan di dalam sistem pemasaran padi yang dijalankan oleh LPN.

Tentang soal pengangkutan, ini juga sedang dipertimbangkan dari segi satu penelitian menyeluruh mengenai keupayaan LPN mengendalikan pasaran padi di negara ini. Saya tidak ada tujuan untuk menjalankan cadangan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang iaitu biasiswa anak-anak petani misalnya kerana ini boleh dibuat oleh banyak agensi yang lain yang mengeluarkan biasiswa. Rasa saya tidak usahlah LPN pula menindih kerja satu lagi memberikan biasiswa kerana ada saluran-saluran biasiswa yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri memberi amaran kepada saya supaya janganlah lagi lesen-lesen atau permit-permit pengangkutan diberi kepada mereka yang memajak. Sebenarnya dasar Kerajaan ialah memberi kepada mereka yang benar-benar menjalankan perkhidmatan pengangkutan itu. Itulah sebabnya saya katakan sekali lagi proses menentukan ini memakan masa maka lewatlah sedikit kelulusan-kelulusan diberi untuk memastikan supaya tidak ada cacatnya.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri juga membangkitkan soal subsidi yang mana beliau khuatir kalau kompleks jauh dan padi pula tidak banyak, petani tidak membawa padi kepada kompleks dan dengan itu menjual kepada orang-orang tengah persendirian yang mana akan mengutip hasil daripada subsidi kupon. Sebenarnya petani-petani tidak payah menjual kepada kompleks LPN. Seperti saya katakan tadi LPN ada melantik pembeli-pembeli padi yang bertaualiah bagi pihak LPN maka tidak payah bawa ke kompleks, jual kepada ejen-ejen ini, jual kepada kilang-kilang bertaualiah dan petani akan dapat menikmati faedah daripada pemberian subsidi kupon. Cuma mereka saya dapati dan kita semua sedia maklum masih menjual kepada orang-orang tengah persendirian bukan kerana kompleks jauh tetapi kerana masalah-masalah tertentu dan sebab-sebab persendirian misalnya seperti kita tahu mereka masih ada kaitan hutang, ada kaitan kredit dengan orang-orang tengah ini, maka susah hendak memutuskan hubungan penjualan padi dengan mereka. Mereka ada kaitan-kaitan seperti membeli barang-barang pengguna. Kita tahu pembeli-pembeli padi ini kerap kali merupakan pekedai-pekedai kecil di kampung-kampung, kalau ada hutang membeli barang pengguna lagi sekali susah hendak memutuskan hubungan ini dan menjual terus

kepada sistem Kerajaan. Tetapi namun demikian dengan subsidi yang ditambah ini saya percaya incentive untuk menjual kepada struktur pemasaran Kerajaan adalah lebih besar.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan perkara mengenai MARA mendapat penghargaan daripada Persidangan di New Delhi. Ini memanglah baik kerana dapat satu persidangan seperti itu memberi penghargaan kepada fungsi MARA. Tetapi ini tidaklah bermakna, Tuan Pengerusi, dengan izin, MARA can rest on its laurels, misalnya dapat penghargaan maka kita pun agak lali sedikit. Saya percaya penghargaan ini akan hanya menjadi satu dorongan lebih kepada MARA untuk memberi khidmat yang baik dalam fungsinya untuk menyusun semula masyarakat, kerana pada pendapat saya banyak lagi yang mesti dijalankan oleh MARA supaya benar-benar dapat menjadi agensi yang dipanggil "Majlis Amanah Rakyat".

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda juga mengesyorkan supaya dipindah ibu pejabat LPN ke Kedah. Sebenarnya tidak payahlah, kerana sebenarnya LPN bukan sahaja membeli padi daripada Kedah dan Perlis. LPN juga menjalankan urusan stockpile misalnya, mengimport beras, LPN juga menjalankan usaha dalam menstabilkan pasaran beras bagi pihak pengguna dan dengan itu tidaklah perlu oleh kerana Kedah banyak mengeluarkan padi ibu pejabatnya patut di Kedah. Namun demikian, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum ada sebuah pejabat LPN di Kedah dan ini sedang dikesan sama ada memadai kakitangannya dan kerap kali ada dihantar pegawai-pegawai dari ibu pejabat untuk membantu di masa-masa yang diperlukan khidmat-khidmat mereka. Tetapi ini akan dikesan dari masa ke semasa dari segi keupayaan kakitangan di pejabat itu kalau sama ada perlu ditambah atau tidak, dan ingin saya mengatakan sungguhpun ibu pejabat LPN adalah di Kuala Lumpur namun demikian dengan kerjasama yang telah diberi dan mungkin akan diberi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kepada pejabat-pejabat LPN, kepada pegawai-pegawai LPN di peringkat negeri seperti yang telah ditunjukkan kerjasama oleh Kerajaan Negeri Kedah baru-baru ini, saya percaya sudah pasti akan lebih berkesan lagi fungsi LPN di peringkat negeri.

Mengenai apa yang beliau katakan LPN tidak memberikan beras mutu baik ke Sarawak saya rasa ini tidak timbul, kerana sebelum dihantar beras itu kepada mana-mana pemborong, ke Sarawak misalnya, perkara ini dirundingkan dahulu, beras jenis apa dikehendaki dan berapa banyak diperlukan. Tentang simpanan beras LPN dikatakan tidak begitu tinggi mutunya ingin saya menerangkan oleh kerana LPN mesti membeli mengikut undang-undang apa juga padi yang datang kepada LPN, padi buruk, padi basah, padi apa juga maka didapati dalam musim-musim di mana petani-petani tidak sempat untuk menuai padi dengan segera dan hujan telah turun misalnya maka petani ini telah menjual padi yang basah yang telah sudah tiga empat hari berada di sawah kepada LPN dan LPN mesti membeli dan padi-padi inilah yang sebenarnya yang telah menghasilkan beras kurang mutu baik seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi kerana LPN tidak boleh berbuat apa-apa. Padi daripada mana asalnya datang beras tadi sebenarnya padi sudah basah sangat, padi yang mungkin tiga empat hari lagi tentu sudah buruk jadinya. Inilah yang dikatakan beras mutu rendah yang ada disimpan LPN. LPN terpaksa membeli juga.

Tuan Pengerusi, tentang konsep "Payung" yang dibangkit oleh Ahli Yang Berhormat dari Pagoh, memanglah MARA seperti juga beberapa agensi yang lain ada mempunyai konsep "Payung" ini di mana ada juga dijalankan usaha-usahasama dengan pihak bumiputra khususnya tentang aktiviti-aktiviti tertentu. Tetapi inginlah saya mengatakan satu daripada perkara yang perlu diselaras ialah supaya antara agensi ini dalam hendak mengembangkan payung masing-masing tidaklah bertindih pula aktiviti yang dijalankan. Masing-masing ada payung tetapi hendaklah diselaraskan yang mana hendak memayung siapa dan aktiviti mana patut dijalankan oleh agensi yang mana.

Tuan Pengerusi, saya rasa itulah sahaja perkara yang asas yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyokong peruntukan untuk Kementerian Perusahaan Awam dan sekali lagi saya mengucapkan banyak terima kasih atas segala perhatian dan sokongan yang telah diberikan itu.

Tuan Pengerusi: Soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$167,269,100 untuk Maksud B. 38 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$167,269,100 untuk Maksud B. 38 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$315,676,110 yang disebut dalam Maksud P. 38 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1981 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$315,676,110 untuk Maksud P. 38 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1981.

Maksud B. 39 (Jadual)—

Maksud P. 39 (Anggaran Pembangunan, 1981)—

Tuan Pengerusi: Sekarang Majlis akan menimbang Maksud Bekalan B. 39 berjumlah \$891,918,100 dan Maksud Pembangunan P. 39 berjumlah \$119,768,265 di bawah Kementerian Kesihatan dan terbuka untuk perbahasan.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas.

6.15 ptg.

Tuan Umar bin Haji Ismail (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan. Saya hendak menyentuh muka surat 367, Maksud B. 39, Butiran 1100, Program 1 (b)—Pentadbiran Negeri.

Tuan Pengerusi, sejak kita mencapai kemerdekaan kita telah berjaya di dalam menyakinkan penduduk-penduduk luar bandar kepada kesihatan. Kalau dahulu boleh dikatakan satu masalah yang besar ialah hendak meyakinkan rakyat luar bandar kepada perkhidmatan kesihatan. Dengan sebab itu, pada masa ini ramai penduduk luar bandar berkehendakkan perkhidmatan kesihatan ini. Akan tetapi masalah yang timbul di luar bandar ialah kekurangan

doktor-doktor di daerah luar bandar. Saya beri satu contoh umpamanya di kawasan saya di daerah kecil Lenggong pada tiap-tiap hari sekurang-kurangnya 120 orang penduduk luar bandar datang hendak berjumpa dengan doktor akan tetapi kerana di pusat kesihatan itu hanya ada seorang doktor sahaja yang terpaksa mengawasi 11 klinik-klinik desa dan juga klinik badan maka tidak dapatlah doktor bertugas dengan sepenuh masa untuk melayan kehendak penduduk luar bandar. Ini menimbulkan masalah kepada penduduk luar bandar, sebab itu saya mencadangkan supaya pihak Kementerian ini dapat menambah lagi doktor di luar-luar bandar.

Begitu juga saya hendak menyentuh dalam hal ini iaitu berhubung dengan kekurangan doktor di Hospital Daerah Kuala Kangsar iaitu sebuah hospital yang mengendali bagi empat kawasan Parlimen iaitu Sungai Siput, Kuala Kangsar, Padang Rengas dan Gerik. Oleh kerana hospital ini tidak mencukupi doktor yang di bawahnya pula ada beberapa buah pusat-pusat kesihatan dan klinik-klinik badan maka dengan sebab itu menjadi masalah kepada penduduk luar bandar di daerah ini. Saya mencadangkan juga supaya doktor di Hospital Daerah Kuala Kangsar ini ditambah. Selain daripada itu saya harap kepada pihak Kementerian akan dapat menambah seorang pakar mata di Hospital Daerah Kuala Kangsar.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh muka surat yang sama Butiran 1100 Program 2(c)—Pencegahan dan Kawalan Penyakit-berjangkit.

Tuan Pengerusi, dalam Dewan yang mulia ini saya hendak menyebut satu perkara, mungkin perkara itu tidak begitu berat akan tetapi menjadi satu masalah. Perkara ini telah saya bangkitkan beberapa kali di dalam Mesyuarat Tindakan Daerah Kuala Kangsar dan juga Daerah Ulu Perak, iaitu sejenis penyakit yang menular di kawasan Perak Utara khususnya di Ulu Perak dan Kuala Kangsar yang doktor tidak dapat menentukan penyakitnya iaitu sejenis penyakit gatal yang kalau kita lihat pada mata kasar tidak boleh nampak tetapi penyakit ini mudah berjangkit, merebak dengan cepat dan terlalu gatal mengikut keterangan daripada mereka yang terkena penyakit ini.

Tuan Pengerusi: Di bahagian mana gatal itu Yang Berhormat?

Tuan Umar bin Haji Ismail: Seluruh tubuh (*Ketawa*). Jadi, Tuan Pengerusi, penyakit ini apakala sembuh, di mana-mana tempat yang semboh itu timbul bintik-bintik hitam dan dia berjangkit keseluruhannya. Mengikut keterangan daripada mereka yang kena penyakit ini tidak ada doktor yang boleh mengubatnya. Ini diakui sendiri oleh pihak doktor di Hospital Grik dan Kuala Kangsar dan ada daripada mereka terutama kaki-tangan Kerajaan dan mereka yang ada yang telah berubat sampai ke Kuala Kangsar, Melaka dan sebagainya. Ada setengahnya telah pergi kepada bomoh berubat secara perubatan kampung. Jadi saya rasa penyakit ini sampai sekarang sudah hampir setahun dan masih merebak lagi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak menyebut ialah dalam mukasurat 386, P.39 Butiran (2) Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

Dalam perkara ini, Tuan Pengerusi, saya bagi pihak penduduk luar bandar mengucapkan banyak terima kasih kepada Kementerian Kesihatan iaitu telah dapat melaksanakan satu projek yang dinamakan projek perbekalan air graviti atau projek air masyarakat, yang telah banyak diadakan di luar bandar di seluruh negara kita termasuklah dalam kawasan saya. Setakat ini tiga projek telah diadakan dan salah satu daripadanya mengikut keterangan pihak Kesihatan mengatakan bahawa salah satu projek yang terbesar dalam negara kita khasnya dalam negeri Perak.

Tuan Pengerusi, walaupun projek-projek ini satu projek yang sangat baik kalau kita mendengar penerangan daripada pihak Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan bahawa pada tahun 1990 kelak maka semua rakyat di dalam negara kita ini akan dapat minum air daripada rancangan Jabatan Kerjaraya, tetapi mengikut pandangan saya pihak JKR tidak akan dapat membekalkan air-air yang bersih ini keseluruh negara kita sebagai

contoh dalam kawasan saya banyak yang tidak dapat dimasuki air yang bersih oleh JKR kerana syarat JKR tempat yang dimasuki air ini hendaklah ada jalan yang baik. Tetapi dengan adanya rancangan oleh Jabatan Kesihatan satu rancangan yang baik oleh kerana tiap-tiap rakyat hanya mengeluarkan \$30.00 seumur hidup akan dapat perbekalan air yang bersih dengan tandas yang sempurna. Masalahnya, Tuan Pengerusi, saya dapati projek ini patut dibesarkan lagi kerana kawasan luar bandar banyak punca-punca air yang boleh dijadikan sumber perbekalan air masyarakat ini ialah kekurangan-kekurangan pegawai teknik di dalam hendak menjalankan tugas ini. Selain daripada itu, saya rasa sepatutnya juga pihak Kementerian dapat menimbangkan supaya penduduk-penduduk yang menjalankan kerja gotong-royong di dalam melaksanakan projek yang besar itu supaya dapat sedikit diberi perbelanjaan gotong-royong kerana mereka ini di dalam menjalankan projek ini sekurang-kurangnya terpaksa meninggalkan kerja bergilir-gilir dalam tempoh sebulan. Saya rasa tidak menjadi keberatan kalau kita memperuntukkan sedikit belanja untuk mereka minum teh atau sebagainya. Jadi itulah masalah-masalah yang dihadapi oleh Jabatan Kesihatan dalam hendak mengadakan perbekalan air masyarakat.

Satu perkara lagi saya rasa Kementerian Kesihatan membuat satu rancangan jangka panjang dalam bekalan air paip ini walaupun konconnya paip ini ialah untuk jangka masa yang sementara sahaja, kadang-kadang dalam kawasan saya tadi dalam tiga contoh itu satu daripadanya paip besar yang membekalkan air untuk lebih daripada 200 rumah yang panjangnya lima batu, tetapi paip dibuat mengikut dasar biasa dibuat ialah tiga inci. Saya rasa tiga inci di satu rancangan yang tidak boleh kita perkuembangkan untuk kegunaan masa yang akan datang. Lebih baik kita buat supaya lebih besar lagi.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak menyebut dalam muku surat 386 juga, P.39, Butiran (3), Memperbaiki Hospital-hospital.

Tuan Pengerusi, sebagaimana kata saya mula tadi, bagi penduduk Ulu Perak, Kuala Kangsar, Sungai Siput dan daerah Padang Rengas ada sebuah hospital besar sahaja menjadi tumpuan iaitu Hospital Daerah

Kuala Kangsar di bandar Di-rajah Kuala Kangsar. Apa yang saya hendak timbulkan di dalam Dewan ini, Tuan Pengerusi, hospital di Kuala Kangsar ini ada dua bahagian, satu hospital lelaki dan satu hospital untuk perempuan. Tuan Pengerusi, terima kasih kerana hospital lelaki telah dibaiki dan diperbaharui sebahagian daripadanya, tetapi hospital perempuan Kuala Kangsar ini terlalu uzur dan serba kekurangan dan selain daripada itu pula kawasanya saya tidak tahu seolah-olah tidak berjaga dengan rapi kerana lembu, sampah sarap dan sebagainya ada di dalam kawasan itu, terutama sekali di dalam kawasan Unit Bersalin. Jadi, saya berharap, Tuan Pengerusi, supaya hospital ini dapat diperbaiki bagi membuat sebuah hospital yang baru pada masa yang akan datang. Kalau boleh, Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya kedua-dua hospital ini dicantumkan di bawah suatu pengawasan dinamakan Hospital Daerah Kuala Kangsar dengan tidak ada hospital lelaki dan hospital perempuan.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi oleh kerana hospital ini menampung penduduk-penduduk yang jauh sampai 100 batu daripada Grik, masalahnya lagi ialah ambulan kerana daerah-daerah kecil Lenggong, Padang Rengas dan Sungai Siput terpaksa membawa pesakit-pesakit terutamanya mereka yang mendapat kemalangan jalanraya tidak mencukupi kereta ambulan ini. Saya ucap terima kasih kerana baru-baru ini dalam lawatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar bersama dengan Pengarah Kesihatan Negeri Perak, Dato' Dr. Gurmit Singh, telah memberi sebuah ambulan baru yang ada di Hospital Besar Ipoh itu ke daerah kecil Lenggong. Tetapi sekurang-kurangnya satu pusat kesihatan mesti ada dua buah ambulan oleh kerana ada sebuah untuk menghantar, dia hendak balik lambat dan kalau ada kemalangan lagi maka terpaksa kita menggunakan kereta-kereta polis oleh kerana polis-polis dalam daerah Keselamatan mereka berkehendakkan juga kereta untuk tujuan mereka sendiri. Jadi, saya harap supaya dapat ditambah lagi ambulan untuk Hospital Grik dan Pusat Kesihatan Lenggong dan juga di Padang Rengas serta Sungai Siput.

Tuan Pengerusi: Masa sudah cukup.

Tuan Umar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya menyokong cadangan itu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong.

6.27 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan peruntukan yang diberi kepada Maksud B.39 Kementerian Kesihatan, mukasurat 367 dalam Program (1) Pentadbiran.

Tuan Pengerusi, kita telah dengar ada disebutkan tadi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan kekurangan doktor. Saya ingin di sini meminta dan membuat satu rayuan kepada Kementerian Kesihatan iaitu oleh kerana medical service ini suatu service yang essential dan jikalau ada kekurangan doktor-doktor boleh menimbulkan satu masalah khasnya di luar bandar di mana rakyat tidak dapat satu perkhidmatan yang berkesan dan inipun bolehlah menjadikan

satu masalah di mana boleh membahayai jiwa mereka. Oleh kerana itu kita haruslah mengkaji semula berkenaan dengan pengambilan doktor-doktor dari negara-negara asing khasnya negara-negara jiran kita yang mana merekapun ada menghadapi masalah. Oleh itu, kita harus pergi ke Eropah ataupun Amerika Syarikat mengambil lagi doktor-doktor memasuki perkhidmatan kita.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat boleh sambung besok. Saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab pada pukul 4.30 petang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 27hb November, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.